



PROGRAM PENSISWAZAHAN GURU (PPG)

MOD PENDIDIKAN JARAK JAUH

IJAZAH SARJANA MUDA PERGURUAN DENGAN KEPUJIAN

MODUL BAHASA MELAYU

BMM 3111

SEMANTIK DAN PERISTILAHAN BAHASA MELAYU



**INSTITUT PENDIDIKAN GURU
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
ARAS 1, ENTERPRISE BUILDING 3,
BLOK 2200, PERSIARAN APEC,
CYBER 6, 63000 CYBERJAYA**

Berkuat kuasa pada Jun 2012

Pengenalan

Kursus Semantik dan Peristilahan Bahasa Melayu (BMM 3111) merupakan sebahagian daripada kursus dalam Program Pensiswazahan Guru (PPG) Sekolah Rendah.

Para pelajar akan mempelajari tajuk-tajuk berkenaan dalam modul ini yang meliputi:-

- Semantik dalam Bahasa Melayu
- Fitur Makna dalam Bahasa Melayu
- Makna Leksikal dalam Bahasa Melayu
- Makna Ayat dalam Bahasa Melayu
- Perubahan Semantik
- Semantik Teori Pembuktian
- Taksa dan Ketaksaan Makna dalam Tatabahasa
- Peribahasa Bahasa Melayu
- Peristilahan Bahasa Melayu
- Sumber Istilah Bahasa Melayu
- Skema Tatacara Pembentukan Istilah Bahasa Melayu
- Mengaplikasi Pembentukan Istilah Menggunakan Skema Tatacara Pembentukan Istilah Bahasa Melayu
- Aspek Tatabahasa dan Semantik Peristilahan Bahasa Melayu
- Istilah Singkatan dan Lambang Bahasa Melayu
- Ejaan dan Peristilahan Bahasa Melayu

Sepanjang mengikuti modul ini, para pelajar akan melaksanakan latihan dan aktiviti bagi setiap tajuk dan pada akhirnya pula para pelajar akan melaksanakan latihan utama modul ini sebagai memenuhi aspek penilaian dalam proses pelengkap modul akses sendiri ini.

KANDUNGAN

Tajuk Pembelajaran

- Tajuk 1: Semantik dalam Bahasa Melayu
- Tajuk 2: Fitur Makna dalam Bahasa Melayu
- Tajuk 3: Makna Leksikal dalam Bahasa Melayu
- Tajuk 4: Makna Ayat dalam Bahasa Melayu
- Tajuk 5: Perubahan Semantik
- Tajuk 6: Semantik Teori Pembuktian
- Tajuk 7: Taksa dan Ketaksaan Makna dalam Tatabahasa
- Tajuk 8: Peribahasa Bahasa Melayu
- Tajuk 9: Peristilahan Bahasa Melayu
- Tajuk 10: Sumber Istilah Bahasa Melayu
- Tajuk 11: Skema Tatacara Pembentukan Istilah Bahasa Melayu
- Tajuk 12: Mengaplikasi Pembentukan Istilah Menggunakan Skema Tatacara Pembentukan Istilah Bahasa Melayu
- Tajuk 13: Aspek Tatabahasa dan Semantik Peristilahan Bahasa Melayu
- Tajuk 14: Istilah Singkatan dan Lambang Bahasa Melayu
- Tajuk 15: Ejaan dan Peristilahan Bahasa Melayu

AGIHAN TAJUK

Nama Kursus: Semantik dan Peristilahan Bahasa Melayu
Kod : BMM3111

Kandungan modul ini dibahagi kepada 15 tajuk/topik. Jadual di bawah menjelaskan agihan tajuk-tajuk untuk interaksi pembelajaran melalui modul.

INTERAKSI	TAJUK / TOPIK	KANDUNGAN	JUMLAH JAM MENGIKUT PRO FORMA KURSUS
1	Tajuk 1: Semantik dalam Bahasa Melayu	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Semantik dan Makna ✓ Semantik dan Linguistik ✓ Semantik dan Sejarah 	2 jam
	Tajuk 2: Fitur Makna dalam Bahasa Melayu	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Sifat Makna ✓ Kelas Makna ✓ Lewah dalam Makna 	
	Tajuk 3: Makna Leksikal dalam Bahasa Melayu	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Sinonim, Antonim ✓ Hiponim, Homonim (Homograf, Homofon) ✓ Polisem 	
2	Tajuk 4: Makna Ayat dalam Bahasa Melayu	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Makna Ayat ✓ Kerangka Generatif Chomsky 	2 jam
	Tajuk 5: Perubahan Semantik	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Pengembangan Makna ✓ Penyempitan Makna ✓ Anjakan Makna 	
	Tajuk 6: Semantik Teori Pembuktian	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Keharmonian dan Pembuktian ✓ Koheran dalam Pembuktian 	
3	Tajuk 7: Taksa dan Ketaksaan Makna dalam Tatabahasa	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Permasalahan dalam Pengajaran makna ✓ Kepersisan Makna, Ketaksaan Leksikal dan Struktur ✓ Kekaburan Makna 	2 jam
	Tajuk 8: Peribahasa Bahasa Melayu	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Makna dalam Peribahasa ✓ Asal Makna dalam Peribahasa 	
	Tajuk 9: Peristilahan Bahasa Melayu	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Beberapa Konsep dasar Peristilahan : Definisi, Tataistilah dan Tatanama ✓ Istilah Khusus & Umum, Morfem, 	

		<ul style="list-style-type: none"> Peristilahan ✓ Kata Dasar & Kata Akar, Imbuhan, Kata ✓ Kata Berimbuhan, Gabungan Kata, Bentuk Prototaip, Paradigma Kata 	
4	Tajuk 10: Sumber Istilah Bahasa Melayu	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Perbendaharaan Kata Umum Bahasa Melayu ✓ Perbendaharaan Kata Bahasa Serumpun ✓ Perbendaharaan Kata Bahasa Asing 	2 jam
	Tajuk 11: Skema Tatacara Pembentukan Istilah Bahasa Melayu	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Konsep dan Langkah ✓ Syarat-syarat ✓ Pembentukan Istilah Baharu 	
	Tajuk 12 : Mengaplikasi Pembentukan Istilah Menggunakan Skema Tatacara Pembentukan Istilah Bahasa Melayu	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Kata Bahasa Melayu yang Lazim dan Tidak Lazim ✓ Kata Bahasa Serumpun yang Lazim dan Tidak Lazim ✓ Kata Bahasa Inggeris dan Bahasa Asing Lain 	
5	Tajuk 13 : Aspek Tatabahasa dan Semantik Peristilahan Bahasa Melayu	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Penggunaan Kata Dasar, Proses Pengimbuhan, Reduplikasi, Penggabungan ✓ Peleburan Fonem & Suku Kata, Proses Analogi ✓ Penterjemahan, Paradigma Istilah, Sinonim, Homonim, Hponim, Kepoliseman 	2 jam
	Tajuk 14 : Istilah Singkatan dan Lambang Bahasa Melayu	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Singkatan ✓ Akronim ✓ Lambang & Huruf Bilangan ✓ Lambang Gambar 	
	Tajuk 15 : Ejaan dan Peristilahan Bahasa Melayu	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Ejaan Fonemik dan Etimologi ✓ Transliterasi dan Transkripsi ✓ Ejaan Nama, Penyesuaian Ejaan & Imbuhan Asing ✓ Gugus Konsonan 	
JUMLAH			10 jam

1.1 Sipnosis

Tajuk ini disusun untuk membolehkan pelajar mengetahui dan mendalami kajian semantik yang berkaitan dengan makna kata dan ayat. Kajian ini menumpukan kepada aspek makna bentuk linguistik dan hubungannya dengan dunia rujukannya. Semantik merujuk kepada aspek makna bahasa. Untuk memahami bahasa, kita perlu memahami makna kata dan morfem yang membentuknya. Kita juga perlu mengetahui makna kata bergabung menjadi frasa dan ayat yang bermakna. Seterusnya kita perlu menginterpretasikan makna ujaran berdasarkan konteks ayat yang diujarkan.

1.2 Hasil Pembelajaran

Pada akhir tajuk ini anda akan dapat:

- i. Menjelaskan tentang makna semantik; fitur makna; makna leksikal; dan makna ayat.
- ii. Menghubungkan antara bidang semantik dengan makna, semantik dengan ilmu linguistik, dan semantik dengan sejarah.

1.3 Pendahuluan

Semantik ialah bidang yang mengkaji dan menganalisis makna kata dan ayat. Kata merupakan unit ujaran yang bebas dan mempunyai makna. Bidang makna atau semantik sebenarnya menjadi sebahagian daripada ilmu linguistik kerana bahasa tidak akan sempurna jika tidak ada unsur makna. R. H. Robbins (1952) menyatakan bahawa kajian makna merupakan salah satu bahagian yang penting dalam linguistik am. Firth (1944) pula menegaskan bahawa makna menjadi inti dalam kajian bahasa.

Istilah semantik agak baharu digunakan jika dibandingkan dengan istilah bidang-bidang ilmu yang lain iaitu dicipta pada akhir abad ke-19. Bloomfield mentakrifkan makna sebagai suatu bentuk linguistik sebagai keadaan apabila penutur tersebut mengujarkannya dengan gerak balas yang dijangkakan daripada pendengar. Seseorang itu boleh mentakrifkan makna sesuatu bentuk pertuturan dengan tepat apabila makna ini berkaitan dengan pengetahuan saintifik yang dimiliki oleh seseorang (Leonard Bloomfield, 1992). Menurut

Zabech, semantik dalam peristilahan moden digunakan dengan maksud kajian tentang hubungan antara item-item bahasa seperti perkataan, penamaan (nama am dan nama khas), ekspresi predikat.

1.4 Semantik dan Makna

Apakah yang dimaksudkan dengan istilah semantik? Menurut Palmer (1992), istilah semantik merujuk kepada bidang kajian makna. Istilah ini merupakan istilah yang agak baharu dalam bidang linguistik. Kata semantik juga diertikan sebagai “ilmu tentang makna atau erti”.

Dari segi istilah pula, semantik berasal daripada perkataan Yunani “*semantikos*” yang bermaksud penting atau bererti. Istilah semantik mula diperkenalkan oleh M.Breal daripada kata Perancis *semantique*. Semantik ialah bidang yang mengkaji dan menganalisis makna kata dan ayat. Kata merupakan unit ujaran yang bebas dan mempunyai makna. Dalam bahasa, kita dapat menyatakan fikiran, pendapat, emosi, perlakuan dan keperibadian manusia.

Jika dilihat definisi yang diberikan oleh tokoh bahasa, semantik ialah cabang linguistik yang akan membahas erti atau makna (J.W.M. Verhar, 1996). Selain itu semantik merupakan bidang pengkajian linguistik yang objek penelitiannya mengenai makna bahasa (Abdul Chaer, 1994). Ferdinand de Saussure pula berpendapat semantik merupakan bahasa yang diucapkan untuk menyampaikan makna. Manakala bagi Choamsky semantik bermaksud makna ayat yang ditentukan oleh struktur permukaan dan konteks apabila ayat digunakan.

Kamus Dewan mendefinisikan semantik sebagai kajian tentang makna perkataan dan penambahan makna sesuatu kata. Secara umumnya dapatlah dikatakan semantik ialah ilmu tentang erti atau perubahan erti sesuatu perkataan. Secara khusus pula semantik ialah kajian tentang lambang-lambang atau tanda yang menyatakan makna, hubungan antara makna dengan makna lain serta pengaruh makna terhadap masyarakat.

Kini istilah semantik digunakan untuk merujuk kepada kajian makna dalam bidang linguistik. **Makna** menjadi sebahagian daripada ilmu linguistik. Secara umumnya **makna** membawa erti ‘maksud’ atau ‘erti’. Walau bagaimanapun, kata **makna** boleh diberikan bermacam-macam pengertian yang lain.

Kamus Linguistik (1997) memasukkan dua entri bagi kata **makna** iaitu:

- (i) erti yang didukung oleh kata atau kumpulan kata;
- (ii) pemahaman sesuatu ujaran oleh pendengar, atau pemahaman kata atau frasa bertulis oleh pembaca.

Ogden dan Richard (1956) pernah memberikan tidak kurang 16 pengertian bagi perkataan makna dalam buku mereka yang berjudul *The Meaning of Meanings*. Antara pengertian yang diberikan termasuk makna seperti 'suatu sifat intrinsik, konotasi sesuatu kata, suatu inti, pokok, suatu 'kemahuan', dan 'emosi yang ditimbulkan oleh sesuatu'. Jadi, berdasarkan pengertian oleh Ogden dan Richard, kita fahami bahawa erti makna cukup menarik tetapi rumit sekali untuk memahami maksud kata makna.

Kata-kata dalam bahasa Melayu yang mempunyai pelbagai jenis makna dapat dikategorikan kepada beberapa golongan seperti sinonim (perkataan yang mempunyai makna yang sama dari segi makna nahu tetapi berbeza daripada segi makna leksikal), antonim (perkataan yang mempunyai makna yang berlawanan), hiponim (perkataan yang maknanya sebahagian daripada makna perkataan lain), homonim (perkataan yang mempunyai bentuk dan bunyi yang sama tetapi maknanya berbeza), polisemi (perkataan yang mempunyai makna yang banyak), dan peribahasa (beberapa perkataan yang mempunyai satu makna).

1.5 Semantik dan Linguistik

Linguistik ialah kajian tentang bahasa secara saintifik. Bahasa Melayu jelas mempunyai makna sedia ada dan penambahan makna melalui proses akronim, pengimbuhan, penggandaan, dan pemajmukan. Contohnya makna kata 'makan' berbeza daripada 'pemakanan' dan 'dimakan', dalam proses pengimbuhan. Dalam proses penggandaan, kata 'kuda' juga berbeza dengan 'kekuda.' Dalam proses pemajmukan pula kata 'sapu' dan 'tangan' mempunyai makna yang berbeza apabila membentuk kata majmuk 'sapu tangan'.

Semantik adalah sebahagian daripada linguistik. Kini semantik sudah boleh diterima sebagai salah satu komponen penting dalam ilmu linguistik seperti bidang fonetik dan tatabahasa. Ahli-ahli bahasa meletakkan bidang semantik pada sebelah

hujung, manakala fonetik pula pada sebelah hujung yang lain, dan tatabahasa atau nahu terletak di tengah-tengah deretan ini.

Bidang semantik amat penting kerana kajian bahasa tidak akan menjadi sempurna jika tidak ada unsur makna. Semantik menjadi amat penting dalam tatabahasa. Kita mungkin dapat membina atau melafazkan ayat atau ujaran yang tepat dari segi rumusnya tetapi tidak tepat dari segi ilmu semantik. Sebagai contohnya perhatikan ayat di bawah :

- i. Pokok pisang itu berlari-lari di tepi pantai.
- ii. Sampan itu tersenyum memandang Rahimi.

Walaupun ayat i dan ii menepati aturan bahasa, iaitu menurut susunan subjek dan predikat (S + P) tetapi dari segi makna adalah tidak bertepatan. Hal ini kerana maknanya adalah taksa. Tegasnya, maklumat semantik amat penting dalam linguistik.

1.6 Semantik dan Sejarah

Berdasarkan sejarah linguistik, pada mulanya istilah semantik digunakan untuk merujuk kepada perkembangan dan perubahan makna dalam bahasa. Sebelum tahun 1930, kajian semantik telah memberi fokus kepada aspek kajian tradisional, iaitu perubahan makna. Tetapi, selepas tahun 1930, perubahan telah berlaku dan semantik sudah mula melihat masalah deskriptif dan struktur dalam semantik (Ullmann, 1996). Tahun 1931 merupakan detik bersejarah dalam sejarah semantik. Hal ini demikian kerana pada tahun itu telah muncul tulisan Gustaf Stren yang berjudul *Meaning and Change of Meaning with Special Reference to English Language*. Penerbitan tulisan ini telah menjadi titik tolak trend baharu dalam bidang semantik.

Sifat bahasa adalah sentiasa berkembang. Perkembangan bahasa merupakan sejarah bahasa. Makna sesuatu perkataan mungkin kekal sehingga kini, mungkin berubah, menyempit, meluas atau menghilang. Contohnya perkataan 'khalwat' yang bermaksud "berseorangan untuk mendekati diri kepada-Nya" telah disempitkan maksudnya kepada "berdua-duaan dalam keadaan mencurigakan". Perkataan 'pondok' yang bermaksud "tempat tinggal yang usang" pula telah dikembangkan maknanya menjadi "tempat belajar". Justeru sejarah bahasa ini perlu direkodkan dalam kamus besar bagi mencatatkan perubahan bahasa yang berlaku dalam setiap hari bagi tujuan penggunaan bahasa dan pengkaji bahasa kelak.

Menurut Ullmann (1996), kajian semantik selepas tahun 1950 tidak lagi memberi perhatian terhadap perubahan makna dan sebab-sebabnya. Sebaliknya, kajian mula beralih kepada aspek dalaman tentang perbendaharaan kata dan juga daripada prinsip umum kepada kajian bahasa yang tertentu.

Aktiviti 1:

- a) Apakah maksud istilah semantik?
- b) Berikan **dua** definisi bidang semantik.
- c) Selain bidang Linguistik dan Sejarah, bidang apakah yang boleh dikaitkan dengan kepentingan semantik? Jelaskan kepentingannya.

2.1 Sinopsis

Dalam tajuk ini, diharap pelajar mengetahui dan mendalami fitur makna dalam Bahasa Melayu. Kajian ini menumpukan kepada aspek fitur atau ciri semantik yang merupakan hubungan makna bagi sejumlah kata yang masing-masing mempunyai ciri-ciri tersendiri. Pelajar juga perlu mendalami kelas makna yang timbul akibat adanya reaksi penutur atau sikap penutur mengenai atau terhadap sesuatu yang difikirkan atau dirasakan. Berkaitan dengan itu, terdapat juga lewah dalam makna iaitu kata, hal dan keadaan yang berlebih-lebihan digunakan oleh penutur.

2.2 Hasil Pembelajaran

Pada akhir tajuk ini, anda dapat:

- i. Menjelaskan tentang fitur makna atau ciri semantik.
- ii. Menjelaskan tentang sifat makna, kelas makna dan lewah dalam makna.

2.3 Sifat Makna

Fitur atau ciri semantik merupakan hubungan makna bagi sejumlah kata yang masing-masing mempunyai ciri-ciri tersendiri. Ciri semantik bermaksud, perkataan-perkataan dimasukkan ke dalam golongan masing-masing menurut makna perkataan berkenaan. Sebagai contohnya Za'aba (1965) menggolongkan perkataan kepada jenis-jenis yang berikut :

- i. Perkataan nama – Segala perkataan yang menyebut benda atau orang misalnya *kakak, burung, meja, kerusi, bantal* dan sebagainya.
- ii. Perkataan perbuatan – Segala perkataan yang menyebut perbuatan yang dikerjakan atau keadaan yang wujud misalnya *ambil, masak, duduk, mahu, jadi* dan sebagainya.
- iii. Perkataan sifat (nama) – Segala perkataan yang menerangkan atau menunjukkan sifat sesuatu nama atau perbuatan atau lainya seperti *kecil, besar, tua, cantik* dan sebagainya.
- iv. Perkataan sendi – Menyambungkan antara perkataan dengan perkataan, antara bahagian-bahagian cakap atau ungkapan misalnya *dengan, dan, oleh, sebab* dan sebagainya.

- v. Perkataan seruan – Perkataan yang semata-mata gunanya bagi mengeluarkan perasaan hati semasa memanggil, terperanjat, hairan, mengejek dan sebagainya misalnya *aduh*, *amboi*, *cis* dan sebagainya.

Apabila melihat kriteria menggolongkan kata oleh Za'aba, maka kita dapat memahami bahawa beliau menggunakan ciri semantik sebagai asas bagi memasukkan perkataan ke dalam golongan masing-masing.

Fitur semantik ini dapat menjelaskan secara lebih mendalam tentang elemen semantik. Kaedah ini digunakan bagi melihat kehadiran atau ketidakhadiran elemen semantik bagi satu set kata. Analisis ciri semantik menggunakan tanda (+) atau (-). Tanda (+) bermaksud bahawa ciri tersebut hadir atau wujud pada perkataan yang hendak dianalisis maknanya, manakala tanda (-) pula menunjukkan bahawa kata itu tidak mempunyai ciri tersebut.

Bagi melihat dengan lebih jelas lagi mengenai analisis makna, lihat Rajah 1.1 yang menunjukkan bahawa terdapat pelbagai perkataan yang boleh dikaitkan dengan manusia. Antara perkataan tersebut ada yang berkongsi ciri yang sama yang diberikan tanda (+). Sebagai contoh, kelas kata yang merujuk kepada 'suami' diberikan tanda (+) bagi orang, dewasa, lelaki dan bapa. Hal ini bermakna ciri-ciri tersebut terdapat pada perkataan suami dan dapat digunakan bagi menjelaskan makna perkataan suami itu dari segi semantiknya.

suami	isteri	kakak	abang	Adik
+ orang	+ orang	+ orang	+ orang	+ orang
+ dewasa	+ dewasa	+ dewasa	+ dewasa	- dewasa
+ lelaki	- lelaki	- lelaki	+ lelaki	+ lelaki
- wanita	+ wanita	+ wanita	- wanita	+ wanita
+ bapa	+ ibu	+ kanak-kanak

Rajah 1.1 Analisis Fitur Semantik bagi Kata Manusia

Latihan

1. Buat satu analisis tentang fitur semantik bagi haiwan

2.4 Kelas Makna

i. Makna emotif

Menurut Siplely (dalam Mansoer Pateda, 2001:101) makna emotif adalah makna yang timbul akibat adanya reaksi pembicara atau sikap pembicara mengenai atau terhadap sesuatu yang difikirkan atau dirasakan. Dalam kata lain, makna emotif ialah makna yang sama tetapi berbeza nilai rasa bahasanya. Misalnya perkataan *meninggal dunia*, *mati*, *wafat*, *mampus*, *mangkat* dan *kojol* adalah makna emotif yang membawa maksud sudah meninggal dunia.

Namun penggunaan perkataan yang berbeza ini boleh menimbulkan nilai yang berbeza terhadap orang lain. Begitu juga contoh perkataan *bodoh* dalam ayat *Engkau bodoh*, kata itu tentunya menimbulkan perasaan tidak senang bagi pendengar.

ii. Makna Konotatif

Makna konotatif berbeza dengan makna emotif kerana makna konotatif cenderung bersifat negatif, sedangkan makna emotif adalah makna yang bersifat positif (Fathimah Djajasudarma, 1999:9). Makna konotatif muncul sebagai akibat asosiasi perasaan kita terhadap apa-apa yang diucapkan atau didengar.

Makna konotatif ialah makna yang diperolehi berbeza daripada makna yang tertulis atau makna yang diujarkan. Bahasa seperti ini wujud dalam masyarakat Melayu kerana timbulnya keinginan menyatakan sesuatu dengan maksud yang lain. Makna ini lebih mengutamakan nilai komunikatif. Tujuannya tentulah untuk menegur, memberi nasihat, tunjuk ajar dan panduan tetapi dalam cara yang sopan agar tidak menyinggung perasaan pihak lain. Dalam kata lain, makna konotatif ialah makna tersirat.

Contohnya dalam ujaran "*Cantiknya muka macam tu*", kata *cantik* bukan membawa maksud "lawa" atau "indah" tetapi makna yang sebaliknya. Yang dimaksudkan oleh pengujar dalam ayat ini ialah muka orang yang dilawan cakap itu bukanlah cantik tetapi tidak jelita atau rupawan. Jelasnya makna ayat ini ditentukan oleh konteks pengguna.

Selain itu, makna konotatif juga sering dikaitkan dengan peribahasa. Peribahasa lazimnya (termasuk simpulan bahasa) mengandungi hanya satu makna walaupun terdiri daripada dua atau lebih perkataan. Dengan kata lain, makna ungkapan itu diambil kira

daripada keseluruhan perkataan dalam peribahasa itu. Misalnya *bunga dedap, kepala batu, lidah bercabang* dan *harapkan pegar, pegar makan padi*.

Tegasnya makna peribahasa ialah makna yang diperolehi hasil daripada gabungan kata-kata yang terkandung di dalamnya, maknanya tidak difahami secara literal tetapi secara kiasan. Contohnya:

1. Muka tembok
2. Bagai langit dengan bumi
3. Bagai menarik rambut dalam tepung

Dalam ayat (1) kiasan ini tidak membawa makna “muka/wajah seperti tembok”, tetapi ayat ini membawa maksud orang yang tidak tahu malu. Dikiaskan dengan tembok kerana ciri-ciri tembok menepati maksud yang mahu disampaikan.

Manakala pada ayat (2) kiasan itu membawa maksud perbezaan yang terlalu jauh antara seseorang/sesuatu dengan dengan seseorang/sesuatu. Begitulah juga dengan perumpamaan yang ketiga.

iii Makna Piktorial

Makna piktorial menurut Shipley (dalam Mansoer Pateda, 2001:122) adalah makna yang muncul akibat bayangan pendengar atau pembaca terhadap kata yang didengar atau dibaca.

Makna piktorial menghadapkan manusia dengan kenyataan terhadap perasaan yang timbul kerana pemahaman tentang makna kata yang diujarkan atau ditulis

2.5 Lewah dalam Makna

Lewah dapat didefinisikan sebagai berlebih-lebihan sehingga ditambah perkara, hal, dan sebagainya yang tidak perlu, misalnya perkataan yang digunakan dalam ayat. Kelewahan, atau hal dan keadaan yang berlebih-lebihan ini sering ditemukan dalam komunikasi, sama ada komunikasi lisan ataupun komunikasi tulisan. Kelewahan merupakan fenomena yang memperlihatkan berlakunya penambahan ataupun pengulangan unsur yang sudah wujud dan pada hakikatnya tidak diperlukan lagi.

Dalam bahasa Melayu, konsep kelewahan berlaku disebabkan pelbagai keadaan seperti pengulangan perkataan seperti semua guru-guru, segala bahan-bahan,

kebanyakan buku-buku, dan sekawan burung-burung. Bentuk-bentuk ini akan menjadikan ayat yang dibina tidak gramatis. Penggunaan imbuhan yang tidak diperlukan turut menjadikan perkataan tersebut mempunyai unsur kelewahan. Contohnya ialah memperbesarkan, memperolehi, dipersetujui, dan diperhalusi. Yang betul ialah memperbesar, memperoleh, disetujui, dan dihalusi.

Pengulangan kata sendi nama secara berturutan juga merupakan kelewahan seperti “selain daripada itu” dan “demi untuk”. Kebanyakan pengguna bahasa, khususnya para guru dan pelajar sering didedahkan berkenaan hal ini. Kelewahan telah diberikan penilaian yang negatif, iaitu sebagai bentuk yang salah atau tidak gramatis berdasarkan aturan tatabahasa pegangan.

Tanpa menafikan hakikat bahawa bahasa sepatutnya diujarkan atau ditulis dengan paling baik, sempurna, dan tanpa sebarang kesilapan, seharusnya kita turut menyedari bahawa bahasa merupakan alat utama untuk berkomunikasi dan penekanan, pengulangan, mahupun penegasan dalam keadaan-keadaan tertentu akan menguatkan mesej yang hendak disampaikan. Kelewahan adakalanya memperlihatkan falsafah yang dimanifestasikan melalui akal, aspirasi, nilai, dan adat yang didukung oleh masyarakat Melayu.

Jika frasa “hadiah percuma” dianggap tidak gramatis kerana hadiah sememangnya bersifat percuma, bagaimanakah pula dengan “hari Sabtu”? Bukankah Sabtu itu merupakan salah satu hari? Wajarkah perkataan “hari” ditulis?

Latihan :

- a) Kenal pasti perkataan yang mengandungi unsur lewah tetapi kerap digunakan dalam komunikasi sehari-hari. Senaraikan perkataan tersebut.

3.1 Sinopsis

Topik ini akan menerangkan tentang makna leksikal dalam bahasa Melayu. Makna leksikal bermaksud makna yang terdapat dalam kamus atau makna perkataan yang terlepas daripada hubungannya dengan perkataan lain dalam ayat. Selain itu, diterangkan juga mengenai sinonim, antonim, hiponim, homonim dan polisem. Perlu diingat, sesuatu perkataan yang digunakan mestilah bersesuaian serta selaras dengan sesuatu situasi atau keadaan. Perkaitan tersebut lazimnya mempunyai hubungan dengan budaya sesuatu kaum.

3.2 Hasil Pembelajaran

Pada akhir tajuk ini, anda dapat:

- i. Menjelaskan makna leksikal dalam bahasa Melayu
- ii. Menjelaskan jenis-jenis sinonim dan antonim
- iii. Membezakan antara sinonim dan antonim
- iv. Menjelaskan maksud homograf, homofon dan polisem

3.3 Makna Leksikal Dalam Bahasa Melayu

Makna leksikal adalah makna unsur-unsur bahasa (leksem) sebagai lambang benda, peristiwa, objek, dan lain-lain. Dalam kata lain makna leksikal adalah perkataan yang diterbitkan daripada istilah leksikon yang bermaksud kosa kata atau perbendaharaan kata. Unit leksikon ialah leksem iaitu bentuk bahasa yang bermakna (Ibrahim Ahmad, 1994). Makna leksikal bermaksud makna yang bersifat leksikon, makna yang sesuai dengan referennya, makna yang sesuai dengan pemerhatian alat indera atau makna yang nyata (Adrienne Lehrer, 1992).

Makna leksikal biasanya dikaitkan dengan kata sedangkan kosa kata tidak hanya terdiri daripada kata sahaja, tetapi juga terdiri daripada beberapa kata. Contohnya, 'kambing hitam'. Makna kambing hitam bukan merupakan gabungan makna kambing dan makna hitam, tetapi memiliki makna yang tersendiri iaitu 'orang yang dipersalahkan'. Oleh itu, makna tidak dapat ditelusuri

dari makna setiap kata pembentuknya, maka perkataan 'kambing hitam' dikatakan mempunyai makna idiomatis ataupun lebih dikenali sebagai makna gramatikal (Kushartanti et.al., 2005).

3.3 Sinonim

Sinonim ialah kesamaan makna perkataan, iaitu kata-kata yang mempunyai makna yang sama atau hampir sama. Misalnya kata '*kuat*' mempunyai makna yang hampir sama dengan *tegap*, *teguh*, *bertenaga*, *tidak mudah roboh* dan sebagainya. Semua contoh perkataan ini merupakan kata-kata yang bersinonim.

Secara umumnya, sinonim disebut sebagai perkataan seerti, misalnya perkataan '*kereta*' dan '*motokar*', '*sejuk*' dan '*dingin*', '*suka*' dan '*gemar*', '*ganggu*' dan '*kacau*', '*lupus*' dan '*luput*', '*loncat*' dan '*lompat*' dan sebagainya.

Kata-kata yang bersinonim itu bukanlah mempunyai kesamaan makna seratus peratus. Perbezaan makna ini dapat dilihat daripada pelbagai konteks.

1. Konteks yang tidak boleh ditukar ganti – Perkataan *perempuan* dan *wanita* walaupun bersinonim tetapi ungkapan *Persatuan Wanita* tidak dapat ditukar menjadi *Persatuan Perempuan*.
2. Konteks yang formal dan tidak formal – Kata ganti nama diri orang pertama *saya* digunakan dalam suasana formal sebaliknya kata *aku* digunakan dalam situasi tidak formal.
3. Konteks susun lapis masyarakat – Kata ganti nama diri *beta* digunakan oleh raja dan kerabat tetapi bagi rakyat biasa kata ganti nama diri yang digunakan untuk berhubung dengan golongan dieaja ialah *patik*.
4. Konteks perbezaan penggunaan – Kata *mati* digunakan dalam konteks biasa manakala kata *meninggal dunia* digunakan dalam konteks yang lebih sopan.

Perlu diingat bahawa tidak semua kata dalam bahasa Melayu mempunyai sinonim misalnya kata *padi* dan *batu*. Namun, ada kata yang bersinonim pada bentuk kata dasar, tetapi tidak bersinonim pada bentuk kata terbitan. Misalnya kata *benar* bersinonim dengan *sungguh* tetapi *kebenaran* tidak bersinonim dengan kata *kesungguhan*.

Terdapat juga kata yang tidak mempunyai sinonim pada bentuk dasar tetapi memiliki sinonim pada bentuk terbitan. Misalnya kata *tinggi* tidak sinonim dengan kata *tingkat* tetapi kata *meninggikan taraf kehidupan* bersinonim dengan kata *meningkatkan taraf kehidupan*. Ada juga kata yang menurut makna asalnya tidak bersinonim tetapi

mempunyai sinonim apabila digunakan sebagai kiasan. Misalnya kata *putih* tidak bersinonim dengan kata baik dalam pengertian sebenar tetapi bersinonim apabila kata *putih* digunakan sebagai kiasan seperti dalam ungkapan *watak putih* sama dengan *watak baik*.

Sememangnya dalam kehidupan seharian, kita biasa bersua dengan penggunaan sinonim di sekeliling kita. Sebagai contoh, di kawasan zoo kita akan melihat papan tanda yang tertulis '*Tolong jangan usik, kacau atau ganggu binatang-binatang di kawasan ini*'. Di perpustakaan pula, terdapat kata-kata yang berbunyi '*Dilarang membuat bising, bercakap dan berbual-bual*'. Perkataan-perkataan tersebut mempunyai makna yang hampir sama. Walau bagaimanapun tidak terdapat perkataan yang bersinonim atau mempunyai makna yang benar-benar sama secara tepat.

Dalam semantik, ada beberapa jenis sinonim, iaitu sinonim pinjaman, sinonim konteks, laras sosial, dan kolokasi.

3.3.1 Sinonim Pinjaman

'Belalang' bermakna pematang dalam kebanyakan dialek Melayu. Walau bagaimanapun, dalam dialek Perak, 'belalang' bermakna 'cakcibau'.

Dalam dialek Kedah, 'batas' ialah 'jalan raya', yang maksud konvensionalnya ialah 'timbunan tanah yang menjadi sempadan petak-petak sawah'.

3.3.2 Sinonim Konteks

Perkataan 'jemput' dan 'undang' banyak digunakan dalam konteks protokol. Sebenarnya, 'jemput' digunakan dalam konteks lisan, manakala 'undang' dalam konteks tulisan. Ini bermakna konteks mewujudkan perkataan yang sama makna.

3.3.3 Sinonim Laras Sosial

Perkataan-perkataan tersebut digunakan dengan berdasarkan status. Misalnya '*penyanyi*' ialah orang yang '*bernyanyi*', manakala '*biduan*' bermaksud '*status*' yang tinggi dalam profesionalisme seni.

3.3.4 Sinonim Kolokasi

Sinonim jenis ini wujud dalam konteks penggunaan yang tersendiri. Contohnya perkataan 'banyak' dan 'ramai' mempunyai makna yang sama. Contoh ayat, "Banyak

kilang kekurangan tenaga pekerja mahir” dan “Ramai pelajar yang gembira setelah memperoleh pencapaian baik dalam peperiksaan tersebut.”

“Perkataan ‘banyak’ boleh digunakan sama ada bagi ‘manusia’, ‘tumbuh-tumbuhan’, ‘haiwan’ dan ‘benda’ tetapi pastikan perkataan tersebut bermakna apabila digunakan tanpa kata sifat. Jika anda menyebut “Banyak pelajar yang gembira setelah memperoleh pencapaian baik dalam peperiksaan tersebut” akan menunjukkan makna yang salah. Alasannya, ramai (untuk manusia sahaja) hanya bermakna jika ada kata sifat (gembira) dalam ayat tersebut.

3.4 Antonim

Antonim ialah pertentangan makna perkataan atau kata-kata yang mempunyai makna yang tidak sama. Secara umumnya, antonim disebut sebagai perkataan berlawanan, misalnya sejuk lawannya panas, baik lawannya jahat, cantik lawannya hodoh, tinggi lawannya rendah, miskin lawannya kaya dan sebagainya. Namun demikian, tidak semua perkataan mempunyai pertentangan makna satu lawan satu seperti contoh tersebut. Oleh itu kata nafi ‘tidak’ kadang kala digunakan bagi menunjukkan pertentangan makna tersebut, misalnya perkataan ‘lena’ lawannya ‘tidak lena’.

Terdapat beberapa jenis antonim seperti:

- (a) Antonim pasangan komplemen
- (b) Antonim hubungan darjah
- (c) Antonim hubungan bertentangan

3.4.1 Antonim pasangan komplemen

Antonim pasangan komplemen merupakan pasangan perkataan berlawanan yang saling melengkapi antara satu sama lain. Contohnya, perkataan tidur-jaga, hidup-mati, duduk-bangun, tajam-tumpul, kembang-kuncup, sihat-sakit, gembira-sedih dan sebagainya.

Selain itu, perkataan – perkataan seperti tidak hidup-mati, dan tidak mati-hidup, tidak tidur-jaga dan tidak jaga-tidur dan sebagainya juga termasuk dalam antonim jenis ini.

3.4.2 Antonim hubungan darjah

Jenis kedua ialah pasangan kata antonim yang menunjukkan hubungan darjah seperti perkataan besar-kecil, tebal-nipis, tinggi-rendah, panjang-pendek, kurus-gemuk dan sebagainya. Makna kata adjektif yang menunjukkan pasangan kata ini mempunyai hubungan rujukan dengan benda yang dimaksudkan. Sebagai contoh, sebatang kayu itu dikatakan bersaiz panjang dengan merujuk kepada kayu itu secara spesifik berbanding dengan kayu yang sama jenis.

Selain itu, perkataan itu sendiri tidaklah menggambarkan darjah secara mutlak. Sebagai contoh, perkataan 'kecil' pada 'kerbau kecil' sebenarnya menunjukkan darjah dan makna yang tidak sama pada perkataan 'tikus kecil'. Demikian juga perkataan 'laju' bagi merujuk kepada kereta lumba tentulah tidak sama darjahnya jika merujuk kepada kereta biasa.

3.4.3 Antonim hubungan bertentangan

Jenis pasangan kata antonim yang ketiga dinamakan hubungan bertentangan. Dalam hal ini, kedua-dua pasangan kata itu dari segi semantikanya membawa makna yang setara, misalnya beri-terima, jual-beli, murid-guru, majikan-pekerja dan sebagainya. Contohnya guru mengajar, murid terima pengajaran.

3.5 Hiponim

Hiponim ialah kata yang maknanya terkandung dalam makna kata yang lain. Sebagai contoh, nuri, kakak tua, helang, puyuh, dan rajawali ialah hiponim kepada burung. Misalnya *gincu* ialah hiponim terhadap alat solek. Berdasarkan contoh, *gincu* sememangnya alat solek tetapi alat solek boleh merangkumi benda lain seperti bedak, pewarna pipi, celak, pelembab dan sebagainya. Dapatlah dikatakan alat solek mempunyai makna umum, manakala benda-benda yang lain itu merupakan makna khusus.

Oleh itu, kata *gincu* berhiponim dengan kata alat solek tetapi kata alat solek tidak berhiponim dengan kata *gincu*.

Secara umumnya, hiponim merupakan kata umum yang mempunyai hubungan kekeluargaan dengan kata-kata yang lebih khusus atau dalam erti kata lain ialah kata umum yang mempunyai lingkungan atau anggotanya terdiri daripada kata yang khusus.

3.6 Homonim

Homonim merujuk kepada hubungan antara homonim iaitu dua kata atau lebih yang mempunyai sama ada bunyi atau ejaan yang sama, tetapi berlainan makna. Perkataan yang mempunyai sebutan yang sama, tetapi berbeza makna seperti yang disebutkan tadi dikatakan mempunyai hubungan homonim. Sebagai contoh, perkataan 'kepala' yang membawa maksud 'ketua' tidak sama maknanya dengan 'kepala kereta api', 'kepala manusia' dan 'kepala surat'.

Penggunaan homonim dalam pertuturan atau ayat boleh menimbulkan kekeliruan jika tidak berlatarbelakangkan konteks tertentu. Hal ini demikian kerana homonim mempunyai sebutan dan bentuk ejaan yang sama, tetapi berbeza dari segi makna.

3.6.1 Homograf

Perkataan homograf sama ejaannya tetapi mungkin berlainan sebutannya. Misalnya semak 'mengkaji' dengan 'semak' 'hutan kecil'.

3.6.2 Homofon

Perkataan homofon mempunyai sebutan yang sama. Ejaannya perlu dapat membezakan istilah yang berlainan. Misalnya sebutan *bang* dan *bank*.

3.7 Polisem

Polisem ialah perkataan yang mempunyai beberapa makna yang berkaitan sama ada secara konseptual atau sedarjah. Dengan kata lain, polisem ialah hubungan kata atau frasa yang mempunyai dua makna atau lebih dan mempunyai etimologi yang sama.

Sebagai contoh, kata bantu 'tentang' boleh bermaksud berkaitan sesuatu perkara. Ada masanya perkataan 'tentang' boleh membawa maksud 'lawan', seperti dalam ayat "Keputusan itu kami tentang". Contoh lain ialah perkataan 'bisa' yang membawa maksud sakit sangat dan boleh. Dalam perbualan di Indonesia, secara normalnya 'bisa' digunakan untuk menggantikan perkataan 'boleh'. Berdasarkan contoh-contoh tersebut, 'tentang' dan 'bisa' bervariasi maknanya, tetapi kewujudan polisem ditinjau dengan berasaskan konteks penggunaan.

Latihan

- (a) Huraikan jenis-jenis sinonim beserta dengan contohnya.
- (b) Berdasarkan contoh, terangkan perbezaan antara hiponim dan polisem

4.1 Sinopsis

Topik ini akan menjelaskan tentang makna ayat dalam bahasa Melayu. Seperti yang telah dijelaskan perkataan dan morfem merupakan unit terkecil bahasa yang mempunyai makna. Kita telah pun mempelajari hubungan makna perkataan dan unsur semantik sebagai semantik leksikal sebelum ini. Walau bagaimanapun dalam banyak perkara kita berkomunikasi menggunakan frasa dan ayat. Makna frasa dan ayat bergantung pada makna perkataan yang terkandung di dalamnya dan bagaimana perkataan itu distruktur dan digabungkan. Dalam tajuk ini juga akan dihuraikan penganalisisan makna ayat Bahasa Melayu mengikut Kerangka Generatif Chomsky untuk menunjukkan perubahan semantik dan pengembangan makna.

4.2 Hasil Pembelajaran

Pada akhir tajuk ini, anda dapat:

- i. Menjelaskan definisi makna ayat
- ii. Menjelaskan makna konotatif dan makna denotatif
- iii. Menghuraikan Kerangka Generatif Chomsky

4.3 Makna Ayat

Makna merupakan satu unsur penting dalam mana-mana ujaran atau tulisan. Tanpa unsur ini, maka apa sahaja yang diujarkan atau yang dituliskan tidak akan memberi sebarang kefahaman kepada orang yang dilawan bercakap atau orang yang membaca sesuatu yang ditulis. Semua bahasa bergantung kepada makna dalam perkataan dan ayat. Setiap perkataan dan setiap ayat lazimnya dikaitkan sekurang-kurangnya dengan satu makna. Bagi ayat, persoalannya sangat rumit. Dalam setiap bahasa untuk membentuk suatu ayat, perkataan hendaklah disusun dan untuk mendapatkan makna ayat bergantung pada makna perkataan yang terdapat dalam ayat tersebut.

Terdapat juga perkataan yang memiliki dua makna dan ada juga yang mempunyai lebih dari itu. Adakalanya terdapat juga perkataan yang digunakan tanpa membawa apa-apa makna. Dalam konteks berbahasa, kita beranggapan bahawa pendengar atau penulis memahami makna yang ingin di sampaikan sehinggakan kita

mengabaikan ataupun tidak menyebut atau menulis beberapa perkataan. Dalam bahasa Melayu makna ayat boleh dibahagikan makna konotatif dan makna denotatif.

4.3.1 Makna denotatif/tersurat

- Makna yang tersurat/ makna umum/ makna leksikal/ makna kamus
→ makna yang sesuai dengan rujukan/
pemerhatian alat indera/ makna yang nyata
- Contoh:
Bunga yang cantik itu ditanam oleh Rozi.
- **Bunga** dalam ayat itu bermaksud sejenis tumbuh-tumbuhan yang boleh ditanam di air atau di darat.

4.3.2 Makna konotatif

- Makna tersirat atau bukan literal/tersurat
- Lebih mengutamakan nilai komunikatif (rujukan penutur berdasarkan konteks)
- Contoh:
"Hajat rombongan kami datang ke sini untuk memetik **bunga** di taman," kata Mak Timah.
- **Bunga** dalam ayat tersebut → Anaka dara yang belum berpunya.

4.3.3 Makna afektif

- Muncul akibat reaksi pendengar/ pembaca terhadap penggunaan kata
- Kebalikan daripada yang disebutkan
- Contoh:

Perkataan *teratak, pondok, rumah yang tidak sepeertinya* → makna afektif → orang yang mengujarkan perkataan ini ingin merendah diri.

4.3.4 Makna emotif

Makna yang sama tetapi berbeza nilai rasa bahasanya. Perkataan *meninggal dunia, mangkat, wafat, mampus, kojol* → makna emotif

Kesemua contoh kata tersebut mendukung maksud *mati*

4.3.5 Makna luas

- Makna yang terkandung dalam sesuatu perkataan → lebih luas daripada makna sebenar.
- Contoh : **Sekolah** → institusi pengajian tempat mempelajari pelbagai bidang ilmu.

- Makna luas **sekolah** merangkumi pelbagai aspek seperti Guru Besar, guru, bilik darjah dan murid.

4.3.6 Makna sempit

- Makna yang terkandung dalam perkataan tersebut semata-mata.
- Contoh :
Jari budak itu berdarah terkena pisau.
Hanya anggota jari sahaja yang kena, bukan pada seluruh anggota.

4.3.7 Makna gaya

- Perkataan khas yang selalu dikemukakan oleh seseorang pengarang dalam karyanya.
- Contoh:
Gaya penulisan Shahnnon Ahmad boleh dikenali, misalnya beliau gemar menggunakan dialek Kedah dalam penulisannya.

4.3.8 Makna tekanan

- Perkataan yang diberi penekanan semasa ujaran
- Perkataan itu mewakili makna utama dalam keseluruhan ujaran tersebut.
- Contoh:
Amira **MELAHIRKAN** bayi perempuan.
Amira melahirkan bayi **PEREMPUAN**.

4.4 Kerangka Generatif Chomsky

Bagi Chomsky "*language is not a habit Structure*". Hipotesisnya, semua bahasa dilihat dari struktur dalaman adalah sama iaitu menunjukkan tingkat fikiran seseorang. Chomsky telah mengemukakan empat konsep utama dasar analisis Kerangka Generatif iaitu kemampuan berbahasa, perlakuan berbahasa, struktur dalaman dan struktur luaran. Kemampuan berbahasa ialah segala pengetahuan yang terdapat dalam otak manusia secara sedar dan tidak sedar. Proses ini juga mengkaji tentang bagaimana proses mengujarkan bahasa yang terdapat dalam bentuk rumus-rumus.

Perlakuan bahasa ini mengkaji bagaimana cara seseorang itu mengujarkan bahasa dan bahasa apa yang diujarkan serta mampu didengar oleh orang lain. Seterusnya, struktur dalaman pula wujud daripada kemampuan seseorang untuk

berbahasa serta bagaimana cara menyusun ayat-ayat untuk diujarkan. Konsep yang terakhir iaitu struktur luaran ini wujud daripada ujaran bahasa yang dikeluarkan oleh seseorang iaitu apa yang diujarkan. Menurutnya lagi, ayat-ayat yang diungkapkan oleh penutur lahir di bawah pengetahuan dan kesedaran penuturnya. Ia diketahui, disedari dan dinyatakan menerusi bunyi-bunyi dan ejaan.

Latihan

- (a) Apakah yang dimaksudkan dengan makna ayat?
- (b) Huraikan **empat** konsep utama Kerangka Generatif Chomsky.
- (c) Senaraikan **lapan** contoh ayat yang membawa makna konotatif dan makna denotatif.

5.1 Sinopsis

Tajuk ini akan menjelaskan perubahan semantik daripada segi pengembangan makna, penyempitan makna dan anjakan makna. Pengembangan makna merupakan satu proses perubahan makna daripada makna yang khusus kepada makna yang lebih umum. Manakala penyempitan makna pula ialah proses perubahan makna daripada makna yang umum kepada makna yang lebih khusus. Akhir sekali anjakan makna yang bermaksud makna yang mengalami proses perubahan berdasarkan situasi atau keadaan.

5.2 Hasil Pembelajaran

Pada akhir tajuk ini, anda dapat

- i. Menghuraikan proses pengembangan makna.
- ii. Menghuraikan perubahan semantik dari aspek penyempitan makna dan anjakan makna.

5.3 Pengembangan Makna

Semantik atau makna boleh dilihat dalam dua sudut iaitu pengembangan makna dan penyempitan makna. Peluasan makna meliputi sintaksis dan pragmatik. Menurut Nor Hashimah Jalaluddin (1992:1) yang memetik pendapat Sperber dan Wilson(1980), pengkajian makna belum dapat dipastikan makna sepenuhnya mengikut apa yang dihajati oleh penutur.

Cakupan makna sekarang lebih luas daripada makna yang lama. Contohnya 'berlayar', dahulu digunakan dengan pengertian bergerak di laut dengan memakai layar, tetapi sekarang semua tindakan mengarungi lautan atau perairan dengan alat apa saja disebut 'berlayar'. Dahulu kata 'bapa' hanya dipakai dalam hubungan biologis, sekarang orang yang lebih tua atau lebih tinggi kedudukannya disebut '*bapa*' sedangkan segala orang yang dianggap sama darjatnya disebut '*saudara*'.

5.4 Penyempitan Makna

Menurut Chaer (1995), Pateda (1986), penyempitan makna ialah gejala yang terjadi pada kata yang mulanya mempunyai makna yang cukup luas, kemudian menjadi makna yang cukup terbatas hanya pada makna tertentu sahaja. Sedangkan Keraf (1986:97) menyatakan bahawa penyempitan makna sebuah kata ialah proses perubahan makna kata daripada makna yang lebih luas kepada makna yang lebih khusus atau spesifik.

Sebagai contoh kata 'ahli' membawa makna yang lebih luas iaitu keluarga, sanak-saudara atau orang-orang yang memasuki sesuatu golongan. Walaubagaimanapun kata 'ahli' juga telah disempitkan kepada makna orang yang mahir atau pandai dalam sesuatu ilmu atau disebut juga pakar dalam sesuatu bidang.

5.5 Anjakan Makna

Kamus Dewan Edisi keempat mendefinisikan perkataan *anjak* sebagai beralih sedikit daripada sesuatu tempat atau berengsot. Dalam konteks semantik, anjakan makna bermaksud perkataan atau ayat tersebut mengalami proses perubahan dari bentuk yang lama ke bentuk yang baharu. Ini kerana bahasa sentiasa mengalami perubahan kesan daripada pelbagai faktor seperti persekitaran dan komunikasi.

Sememangnya salah satu aspek yang amat diminati dalam kajian makna ialah anjakan makna dalam bahasa. Oleh sebab bahasa bersifat dinamik, maka perkataan yang menjadi unit asas kepada bahasa, sentiasa mengalami perubahan. Ullmann dalam bukunya *Semantics: An Introduction to the Science of Meaning* (1962), misalnya memberikan enam sebab utama bagi perubahan makna dalam bahasa. Antaranya seperti faktor sejarah, sebab-sebab sosial, sebab-sebab psikologi, pengaruh luar dan keperluan untuk kata baharu.

Bloomfield dalam bukunya *Bahasa* (1933) telah menyenaraikan sembilan jenis perubahan yang berlaku dalam bahasa. Menurutnya, makna kata boleh disempitkan dan diperluaskan. Selain itu, ada metafora, metonimi, sinekdoksi, hiperbola, litotes, pejorasi, dan ameliorasi yang juga menandakan perubahan-perubahan dalam sesuatu bahasa.

Anjakan makna berlaku kerana perkembangan dalam bahasa itu sendiri. Ini bermaksud, makna sesuatu perkataan itu akan berubah mengikut perubahan masa, teknologi dan hubungan sosial masyarakat. Misalnya, perkataan *rawat*, makna umum

rawat adalah menjaga dan mengubati orang sakit, tetapi makna baharunya sekarang meliputi merawat sisa kumbahan, pokok (nurseri) dan sebagainya.

Demikian juga kata *tangan*, pada asalnya merujuk kepada salah satu anggota badan. Tetapi, makna diubah untuk mencakup makna ‘menguruskan’, ‘mengendalikan’, dalam ayat seperti ‘Pihak polis *menangani* masalah itu secara profesional’. Ada kalanya makna negatif berubah menjadi makna positif disebabkan penggunaan dalam bahasa. Umpamanya, kini kita sering menemukan ayat atau ujaran. “Gejala penukaran kod amat berleluasa dalam kalangan pengguna bahasa Melayu.” Dalam contoh ini, kata gejala bukan dinyatakan sebagai suatu unsur negatif, tetapi sebagai suatu kejadian. Anjakan makna seperti ini banyak berlaku dalam bahasa kerana sebab – sebab perubahan dalam bahasa itu sendiri.

Selain itu, disebabkan kemajuan sains dan teknologi juga, banyak kata yang telah mengalami anjakan makna. Misalnya, kata *taman*, pada masa dahulu hanya digunakan untuk merujuk kepada ‘kebun bunga’, tetapi maknanya sekarang diperluas untuk mencakup makna tambahan seperti ‘ kawasan perumahan’, kawasan perindustrian’ dan ‘kawasan alam semula jadi seperti Taman Kinabalu’. Demikian juga perkataan *datuk*, kini bukan sahaja digunakan untuk merujuk bapa ayah atau ibu seseorang, malah sebagai gelaran kehormat oleh raja bagi orang - orang tertentu kerana jasa – jasa mereka.

Kata – kata yang merujuk kepada objek, institusi, idea, dan konsep – konsep saintifik merupakan antara kata yang mengalami anjakan makna. Misalnya, kata *kebal* berubah daripada makna asal kuat dan kukuh dalam bidang ketenteraan menjadi kereta kebal.

Anjakan makna juga berlaku kerana sebab–sebab sosial. Peredaran masa menyebabkan munculnya bidang – bidang baharu dalam satu–satu budaya masyarakat bahasa. Faktor – faktor seperti emosi, tabu menjadi punca perubahan makna dalam bahasa. Misalnya, ungkapan *orang gaji* kini berubah menjadi *pembantu rumah*, *budak pejabat* bertukar menjadi *pembantu am pejabat*, dan *Hari Buruh* menjadi *Hari Pekerja*. Perubahan – perubahan ini berlaku kerana ungkapan yang digunakan dahulu membawa konotasi negatif, dan dengan demikian perlu diubah menjadi lebih halus atau yang tidak membawa unsur negatif.

Selain itu, unsur larangan atau tabu juga menyebabkan perubahan perkataan. Umpamanya, tidak sopan kalau dikatakan ‘saya hendak kencing’ di khalayak ramai,

tetapi ungkapan buang air atau 'saya hendak ke tandas'. Kini kata *tandas* pula membawa makna yang tidak begitu sopan, maka sudah ada ungkapan *bilik air* yang digunakan untuk tujuan yang sama, iaitu kencing atau buang air kecil. Ada juga ungkapan *bilik selesa* yang digunakan untuk merujuk kepada konsep tandas. Pilihan perkataan atau ungkapan seumpama ini, sebenarnya merujuk kepada gejala yang disebut sebagai eufemisme, yakni penggunaan bahasa secara halus dan sopan.

Dalam Bahasa Melayu, kata 'daging' disempitkan makna untuk merujuk kepada '*daging lembu*' sahaja tetapi bagi daging lain pula, disebut daging kambing, daging ayam, atau daging arnab. Sedangkan makna dalam kamus adalah 'isi pada manusia atau binatang antara kulit dan tulang' (Kamus Dewan, 1994). Untuk menerangkan konsep – konsep baharu yang timbul akibat perkembangan sains dan teknologi, maka anjakan makna bagi beberapa banyak perkataan diperlukan. Tanpa anjakan makna bahasa akan statik dan mendatar.

Latihan

1. Sejauhmanakah anjakan makna membawa kesan positif dalam bahasa Melayu?

6.1 Tajuk ini akan membincangkan mengenai Teori Semantik pembuktian yang dipelopori oleh seorang ahli mantik yang terkenal. Tarski (1933) telah memberi idea kepada penghuraian makna dalam ilmu Semantik. Diharap pelajar akan mencari maklumat tambahan untuk mendalami Teori pembuktian ini bagi memahami makna ayat dengan lebih berkesan. Pengetahuan mengenai teori ini dapat membantu mengukuhkan pengetahuan mengenai bidang yang dipelajari dengan lebih mendalam.

6.2 Hasil Pembelajaran

Pada akhir tajuk ini, anda dapat :

- i. Menerangkan mengenai Teori Pembuktian dan mengaitkannya dengan makna ayat
- ii. Menyatakan contoh-contoh yang sesuai berkaitan Semantik Teori Pembuktian

6.4 Teori Pembuktian dan Makna Ayat

Teori merupakan pendapat atau pandangan yang dikemukakan untuk menerangkan sesuatu perkara. Teori juga merupakan prinsip-prinsip atau dasar bagi pembentukan sesuatu ilmu. Ini bermakna, apabila seseorang itu berteori, maka dia sebenarnya mengemukakan teori atau prinsip-prinsip sesuatu ilmu.

Sesuatu teori semantik itu mestilah memenuhi sekurang-kurangnya tiga syarat iaitu :

- i. mesti mencerap bagi mana-mana bahasa sifat makna perkataan dan makna ayat dan menjelaskan sifat hubungan antara unsur tersebut.
- ii. Mesti berupaya meramalkan ketaksaan dalam bentuk-bentuk unsur bahasa, sama ada perkataan atau ayat.
- iii. Mesti mencirikan dan menjelaskan hubungan sistematik antara perkataan dan ayat dan ayat sesuatu bahasa, iaitu teori tersebut mesti memberi huraian agak jelas hubungan sinonim, perangkuman logis, penaabiran, pertentangan dan sebagainya.

Dalam teori pembuktian, Tarski mengemukakan satu teori kebenaran pada tahun 1933 yang sekarang dikenali oleh semua ahli falsafah, mencadangkan bahawa

pencirian pada apa yang kita maksudkan dengan membicarakan tentang makna ayat itulah yang merupakan asas teori semantik, bukannya pencirian makna perkataan. Teori pembuktian juga menjelaskan bahawa satu takrifan kebenaran dapat dikemukakan untuk satu-satu bahasa jika bagi setiap ayat dalam bahasa tersebut satu skema rumus dapat meramalkan dengan betul formula di bawah ini iaitu ;

A benar jika dan hanya jika s

A merupakan nama ayat tersebut (iaitu usaha pengejaan satu deret lambang yang membentuk ayat itu) dan s merupakan syarat yang memastikan ayat tersebut benar. Di bawah ini merupakan contoh ayat popular Tarski untuk mengetahui makna untaian perkataan yang membentuk ayat *Salji itu putih* memerlukan pengetahuan keadaan yang bagaimanakah diperlukan untuk menjadikan ayat Salji itu putih benar. Ini lazimnya diungkap melalui formula :

Salji itu putih benar jika dan hanya jika salji itu putih

Sekiranya kita mempunyai catatan formula yang dapat memberi satu ayat yang setanding formula di atas bagi setiap ayat dalam bahasa, maka kita sudah mempunyai satu teori makna yang lengkap bagi satu-satu bahasa. Hal ini bermakna, satu-satu teori melibatkan satu tatacara memadankan ayat dengan seperangkat syarat yang apabila diterapkan kepada setiap satu menghasilkan satu ayat yang berbentuk;

A benar jika hanya jika s

Mengikut formula Tarski bagi teori ini, A ialah nama ayat dan s ialah seperangkat syarat yang memastikan ayat itu benar. Kaitan antara penjelasan makna ayat dengan huraian syarat bagi kebenaran ayat tersebut tidaklah begitu jelas, misalnya kaitan penjelasan makna ayat dengan huraian dari segi konsep. Pada awalnya teori ini dicemuh oleh ahli bahasa dan mereka berasa amat hairan. Ini kerana penjelasan pandangan ini cenderung mengandaikan pemahaman terhadap teori kebenaran Tarski, dan lazimnya teori ini didapati samar-samar oleh ahli bahasa. Hakikatnya, reaksi menolak dan mencemuh teori ini tidak wajar. Formula;

Salji itu putih benar jika dan hanya jika salji itu putih

agak mengelirukan jika sekali imbas formula itu dianggap sebagai usaha untuk memasang satu deret untaian yang membentuk ayat tersebut dengan ayat itu sendiri. Pemasangan yang dikemukakan oleh teori makna seperti ini bagi penjelasan makna ialah pemasangan antara nama ayat, iaitu deretan unsur dalam ayat tersebut tanpa mengambil kira tafsirannya (di sebelah kiri formula) dengan seperangkat syarat minimum yang berupaya memastikan kebenaran ayat tersebut (di sebelah kanan formula).

Itulah sebabnya formula itu mengandungi nama ayat dan ayat itu sendiri. Lebih-lebih lagi, pemasangan antara satu untaian yang tidak bertafsiran dengan seperangkat syarat kebenaran mestilah bersifat rumusan am lantaran sifat semula jadi yang tidak terhad itu. Justeru, tafsiran makna dari sudut pandangan semantik melibatkan seperangkat rumus yang secara automatik memadankan setiap ayat dalam bahasa dengan seperangkat syarat yang sesuai.

Gagasan bahawa peraturan tafsiran makna melibatkan pemasangan satu untaian tanpa tafsiran dengan sesuatu yang sepadan dengan tafsiran untaian itu tidak dipersoalkan lagi. Tetapi gagasan bahawa tafsiran itu akan disepadankan dengan seperangkat syarat untuk kebenaran ayat tersebut, itu yang lebih dipertikaikan.

A bermakna s = A benar jika dan hanya jika s

Penyamaan ini menimbulkan masalah yang banyak. Mungkin yang utama ialah skema formula ini;

A benar jika dan hanya jika s

Sebenarnya tidak dapat disamakan dalam bentuk ini dengan dakwaan bahawa untuk memberi makna sesuatu ayat maka hendaklah dinyatakan (semua dan hanya) syarat yang diperlukan untuk kebenaran ayat itu. Ini kerana dalam formula tersebut tidak tercatat jaminan yang diperlukan untuk kebenaran ayat itu. Yang dinyatakan dalam formul ialah apa-apa syarat akan membentuk A jika dan hanya jika s itu benar apabila A benar. Tetapi ini akan membenarkan contoh yang terlalu banyak.

Oleh itu kita perlu mengetatkan formula ini agar kejadian tidak diduga dengan dua ayat menjadi benar secara kebetulan tidak memadai untuk memenuhi syarat skema di atas. Khususnya, untuk menjanakan pasangan yang benar-benar betul, hubungan

antara deretan tanpa tafsiran membentuk satu ayat dan syarat kebenaran yang membentuk tafsiran deretan itu hendaklah merupakan kebergantungan yang mesti, tidak kira bagaimanakah keadaan yang menentukan ayat itu benar atau palsu akan berubah. Oleh itu, formula;

A bermakna s = A benar jika dan hanya s

Hendaklah dikatakan menjadi'

A bermakna s = Seharusnya A benar jika dan hanya jika s

Formula yang lebih terbatas ini barulah dapat disamakan dengan ayat sebagai seperangkat syarat yang paling kecil untuk menjamin kebenaran ayat tersebut. Maknanya, formula kita ini barulah mencerapkan wawasan bahawa pemberian makna ayat samalah dengan pemberian seperangkat syarat yang perlu dan cukup untuk kebenaran ayat tersebut.

6.5 Ciri-ciri Ayat yang Benar

Ayat yang benar adalah ayat yang mempunyai ciri-ciri tertentu yang menjadikannya sebagai ayat yang mengandungi nilai kebenaran. Lutfi Abas (1988) menyatakan ayat yang benar ialah :

1. Ayat yang subjeknya memang terdapat di dunia.

Contohnya :

- i. Kucing berkaki empat. (Subjek : kucing)
- ii. Bola berbentuk bulat. (Subjek : bola)

Manakala ayat yang tidak benar ialah :

- i. Raksaksa tersangat besar. (Subjek : Raksaksa tiada di dunia)

2. Contoh ayat begini memerlukan pengalaman pendengar atau pembaca untuk membuktikan

bahawa predikatnya adalah :

- a. Salah satu sifat nama yang dipunyai oleh subjeknya.
- b. Perbuatan yang dilakukan oleh subjeknya.
- c. Nama yang memang benar boleh dikaitkan dengan subjeknya.

Contohnya;

1. Aminah cantik.
2. Aminah memasak nasi.
3. Aminah wartawan.

Ayat yang tidak benar ialah :

1. Nelayan itu mempunyai sepuluh juta ringgit.
2. Nelayan itu berasal dari planet Marikh.
3. Nelayan itu keturunan bunian.

3. Ayat yang predikatnya tidak perlu dibuktikan lagi kebenarannya untuk subjeknya.

Contohnya ;

1. Tuhan ada
2. Bumi bundar
3. Adik lebih muda daripada kakak

4. Ayat-ayat yang tidak benar ialah :

Contohnya ;

1. Bumi bersegi-segi
2. Kakak lebih muda daripada adik
3. Bola berbentuk tiga segi

Aktiviti :

1. Dalam teori semantik, syarat kebenaran untuk menentukan syarat-syarat yang mesti ada supaya sesuatu ayat itu benar, kita sebenarnya mencirikan ayat itu. Jelaskan maksud ayat ini.
2. Terangkan ciri-ciri ayat yang benar dengan memberikan contoh dalam bahasa Melayu.

7.1 Sipnosis

Tajuk ini membincangkan mengenai taksa dan ketaksaan makna dalam tatabahasa. Kamus Dewan (2004) mendefinisikan taksa sebagai mempunyai makna yang kabur atau boleh menimbulkan lebih daripada satu makna. Oleh itu, beberapa topik akan dibincangkan kesan ketaksaan ini seperti masalah dalam pengajaran makna, kepersisan makna, ketaksaan leksikal dan struktur dan kekaburan makna.

7.2 Hasil pembelajaran

Pada akhir tajuk ini, para pelajar dapat:

- i. Menghuraikan mengenai permasalahan dalam pengajaran makna
- ii. Menghuraikan mengenai kepersisan makna, ketaksaan leksikal dan struktur
- iii. Menyatakan maksud kekaburan makna dengan memberi contoh-contoh yang sesuai

7.3 Permasalahan dalam Pengajaran Makna

Maklumat Semantik amat penting dalam bahasa kerana tanpa maklumat yang tepat akan berlaku masalah dalam pengajaran makna. Antara masalah dalam pengajaran makna ialah :

1. Kurangnya maklumat kontekstual

Leech (1974) menyatakan, konteks merupakan suatu faktor yang amat penting. Dengan mengambil kira konteks, unsur ketaksaan makna yang pelbagai dapat dielakkan walaupun ada pengguguran beberapa komponen dalam ujaran atau tulisan kita. Misalnya ayat "Ibu! Kucing!", makna yang hendak disampaikan ialah "Ibu, tolong halau kucing" yang mungkin mahu makan ikan, atau mencakar kereta, atau dilanggar kereta bergantung pada tempat ujaran itu dilafazkan.

Wittgenstein dalam buku *Philosophical Invertigations* (1953) menyatakan bahawa makna kata tidak dapat diketahui kecuali dilihat dalam penggunaannya atau dalam konteks penggunaannya. Masalah terjadi seandainya penutur atau pendengar kurang maklumat kontekstual sehingga menimbulkan tafsiran lain

tentang sesuatu yang diujarkan. Konteks memainkan peranan penting untuk menghilangkan kekaburan dan ketidakjelasan makna.

2. Perubahan makna

Bahasa bersifat dinamik menyebabkan perkataan yang menjadi unit asas kepada bahasa sentiasa mengalami perubahan. Ullmann dalam buku *Semantik : An Introduction to The Science of Meaning* (1962) memberikan enam sebab utama berlakunya perubahan makna dalam bahasa seperti sebab-sebab sejarah, soial, psikologi, pengaruh luar dan keperluan untuk kata baharu.

Makna kata berubah kerana perkembangan dalam bahasa itu sendiri akibat perubahan masa, teknologi dan hubungan sosial masyarakat. Misalnya perkataan *rawat* secara umumnya adalah menjaga dan mengubati orang sakit. Namun makna umumnya baharunya sekarang meliputi *merawat* sisa kumbahan dan pokok.

Sebagai pengguna bahasa, seseorang penutur bahasa perlu memahami dengan lebih mendalam dan sentiasa peka dengan perubahan bahasa ini. Ini untuk mengelakkan berlakunya salah tafsir bahasa akibat perubahan makna.

7.4 Kebersihan Makna, Ketaksan Leksikal dan Struktur

Oleh sebab maklumat semantik amat penting dalam bahasa, maka hal makna dalam ayat perlu diberi perhatian oleh pengguna bahasa. Binaan atau ujaran ayat-ayat seperti yang berikut seharusnya dielakkan memandangkan ayat-ayat tersebut tidak betul dari segi semantik walaupun memenuhi aturan nahu. Contoh ayat :

1. Ibu bapa Maryam sudah meninggal malam tadi.
2. Jamal menghadiahkan saya buku cerita itu.
3. Pekerja-pekerja akan memulakan kerja mereka bila hujan berhenti.
4. Ayah merasa kesal dengan perbuatan kakak.
5. Mereka-mereka yang terlibat dikehendaki datang petang ini.

Terdapat kekeliruan dalam memahami makna yang terkandung dalam ayat-ayat di atas. Dalam ayat 1, tidak jelas siapa yang meninggal dunia, sama ada ibu kepada bapa Maryam atau kedua-dua ibu dan bapanya yang meninggal dunia. Dalam ayat 2, tafsiran ayatnya adakah 'Jamal menghadiahkan saya' kepada buku cerita itu. Ayat tersebut boleh dibetulkan dengan 'Jamal menghadiahkan buku cerita itu kepada saya'

atau 'Jamal menghadiahi saya buku cerita itu'. Begitu juga dengan ayat lima, berlaku kelewahan di situ dalam 'mereka-mereka'.

7.5 Kekaburan Makna

Makna yang tidak difahami akan membawa kepada kekaburan. Ruth M. Kempson secara umumnya membahagikan empat jenis kekaburan yang berkaitan antara satu dengan yang lain iaitu :

7.5.1. Kekaburan Rujukan

Makna item leksikal walaupun sudah jelas tetapi sukar ditentukan sama ada item itu boleh digunakan pada benda-benda tertentu. Misalnya pada contoh makna *city* dan *town*. Secara umumnya *city* merupakan sebuah bandaraya yang merupakan satu penempatan penduduk yang besar terdiri daripada satu bilangan besar rumah. Manakala sebuah bandar hanya merupakan mana-mana tempat yang didiami oleh manusia, dan terdiri daripada sebilangan tertentu rumah.

Bandar boleh bersifat besar atau kecil, tetapi bandaraya biasanya ditakrifkan besar. Namun terdapat juga kesulitan untuk untuk menentukan contoh-contoh tempat tertentu itu bandaraya atau bandar. Tidak memadai jika ditentukan sebagai sebahagian makna sesuatu item iaitu sesebuah bandaraya mesti mengandungi sebilangan penduduk minimum. Misalnya bandaraya Rom atau Minoan Crete dipanggil bandaraya tetapi bilangan penduduknya tidak melebihi bilangan penduduk sesebuah kampung pada masa sekarang. Begitu juga kekaburan untuk benar-benar dapat membezakan hutan dengan belukar, *house* dengan *cottage* dan sebagainya. Ada belukar yang lebih besar daripada hutan.

7.5.2 Ketidakpastian Makna Sesuatu Item atau Frasa

Makna sesuatu item atau frasa itu sendiri kelihatan kabur. Pelbagai tafsiran boleh diberikan kepada makna sesuatu item itu berdasarkan kepada makna yang difahami oleh seseorang. Misalnya lihat contoh frasa di bawah :

- i. *Lily's book* – Frasa ini dapat digunakan untuk memerikan buku yang ditulis oleh Lily, buku yang dimilikinya, buku yang telah dibacanya, buku yang telah diberitahu supaya dibacanya dan sebagainya.
- ii. *Ibu melawat anak meninggal* – Dalam frasa ini tafsiran maknanya mungkin ibu melawat anak yang meninggal, atau ibu pergi melawat anak tetapi meninggal atau semasa ibu pergi melawat, anak meninggal.

Dengan ketidakpastian makna, sesuatu item atau frasa itu boleh membawa kepada salah tafsir yang menyulitkan.

7.5.3 Kekurangan Penentuan Makna Sesuatu Item

Secara amnya makna item tersebut pada dasarnya agak jelas tetapi terlalu umum. Misalnya ayat :

Saya sudah membersihkan bilik guru

Kita faham maksud ayat di atas iaitu si penutur bermaksud telah membersihkan bilik guru. Namun 'membersihkan bilik guru' itu boleh membawa maksud menyapu, mengemop, mencuci tingkap, membuang habuk, mengemas buku dan sebagainya. Hal ini bergantung sama ada si penutur itu seorang pencuci, pengemop lantai atau pencuci tingkap. Bagi makna kata kerja 'sudah membersihkan' membawa maksud telah melakukan beberapa perbuatan yang melibatkan objek tersebut tetapi jenis perbuatannya tidak ditentukan.

7.5.4 Pertentangan pada penentuan makna item

Makna yang diberi terlibat dengan pernyataan '*atau*' yang mempunyai kemungkinan tafsiran yang berlainan. Contoh yang diberi dalam bahasa Inggeris di bawah mengenai penggunaan *or*:

1. The applicants for the job either had a first class degree *or* some teacher experience.

Implikasi yang disumbangkan oleh *or* kepada ayat itu sebagai satu keseluruhan ialah salah satu gabungan itu benar. Dalam ayat di atas, pemohon itu dimaksudkan mempunyai ijazah darjah pertama tetapi tiada pengalaman mengajar, atau ada pengalaman mengajar tetapi bukan pemegang ijazah darjah pertama, atau mungkin kedua-duanya. Ini bermakna terdapat tafsiran yang kedua-dua implikasi tersebut dapat wujud serentak.

Kesimpulannya, taksa dan ketaksaan makna menjadi penting dalam bahasa. Jika tidak, bahasa yang digunakan mungkin hanya betul dari segi nahu tetapi tidak boleh difahami manusia kerana tidak jelas maknanya atau kabur kerana wujud pertentangan makna.

8.1 Sinopsis

Tajuk ini disusun untuk membolehkan pelajar mengetahui dan mendalami makna dalam Peribahasa Bahasa Melayu. Pengetahuan mengenai peribahasa Melayu dapat membantu pelajar mengetahui dengan mendalam makna yang terdapat dalam peribahasa Melayu. Pelajar juga dapat mengetahui secara jelas mengenai asal makna dalam peribahasa. Hal ini dapat membantu pelajar untuk memahami perkaitan antara ilmu semantik dengan peribahasa Melayu.

8.2 Hasil pembelajaran

Pada akhir tajuk ini, para pelajar dapat:

- i. Menyatakan jenis-jenis peribahasa dalam bahasa Melayu.
- ii. Menerangkan kepentingan peribahasa dalam kalangan masyarakat
- iii. Menjelaskan makna peribahasa
- iv. Memberikan contoh-contoh peribahasa Melayu yang dipelajari

8.3 Makna dalam Peribahasa

Menurut Za'ba (1965: 165), peribahasa ialah:

"... Segala susunan cakap yang pendek yang telah melekat di mulut orang ramai sejak beberapa lama oleh sebab sedap dan bijak perkataannya, luas dan benar tujuannya- dipakai akan dia jadi sebutan-sebutan oleh orang sebagai bandingan, teladan, dan pengajaran".

Abdullah Hussain (1989: vii) dalam pengantar Kamus Istimewa Peribahasa Melayu

menyatakan bahawa;

Peribahasa merupakan salah satu cabang sastera lama yang tak lapuk dik hujan dan tak lekang dik panas. Hampir setiap bangsa mempunyai bentuk-bentuk peribahasa sendiri dan peribahasa sesuatu bangsa itu mencerminkan watak bangsa itu".

8.4 Asal Makna dalam Peribahasa

Peribahasa merupakan salah satu cabang puisi lama yang tertua memaparkan pancaran masyarakat dahulu kala yang kaya dengan adab sopan. Adab sopan ini bukan sahaja terpancar melalui perlakuan atau perbuatan, tetapi juga dalam komunikasi sehari-hari. Melalui peribahasa, perkara yang ingin disampaikan tidak dinyatakan secara terus terang bagi mengelakkan tergurisnya hati pihak lain. Kebijaksanaan masyarakat

Melayu yang menegur secara berhemah, penuh pengajaran, nasihat dan panduan secara halus ini memaparkan nilai hati budi dan keintelektualan yang tinggi dalam kalangan masyarakat Melayu.

Menurut Ishak Ramly dan Goh Ong Sing (1990), penggunaan peribahasa kini telah mengindahkan lagi bahasa Melayu. Ini kerana pelambangan dalam peribahasa dapat menjimatkan perkataan dan menjadikan ayat lebih padat tanpa mengurangkan nilai ayat dari segi makna dan gaya bahasa. Sememangnya masyarakat zaman dahulu mempunyai daya imaginasi yang tinggi, kreatif dan kritis dalam membina peribahasa yang sedap didengar halwa telinga, indah butir-butirnya dan mengandungi falsafah yang mendalam. Penerapan nilai-nilai murni dalam peribahasa menggambarkan cara berfikir dan bertindak masyarakat yang sentiasa peka dengan keadaan semasa. Kekuatan peribahasa ini dapat menghindari masyarakat daripada berpecah belah, berselisih faham dan saling bersengketa.

Kesimpulannya, peribahasa merupakan susunan kata-kata yang ringkas, bererti dan mendalam maksudnya. Penghayatan nilai-nilai murni yang terdapat dalam peribahasa mampu melahirkan masyarakat yang bersatu padu di Malaysia.

8.5 Jenis-jenis peribahasa

Zaaba (1965) membahagikan peribahasa kepada tiga jenis iaitu :

- i) Peribahasa selapis yang terdiri daripada bidalan, pepatah dan perbilangan
- ii) Peribahasa berlapis, iaitu perumpamaan
- iii) Lidah pendeta

8.5.1 Bidalan

Bidalan mempunyai nilai ilmu dan pengajaran di dalamnya walaupun memberi erti selapis sahaja. Za'ba (1965) membezakan antara bidalan dengan pepatah kerana ada pengkaji yang menganggap kedua-duanya adalah sama. Bidalan adalah sejenis ungkapan yang menekankan tentang **teladan** yang mengandungi unsur **pengajaran** atau **nasihat**. Biasanya ungkapan bidalan ditandai oleh penggunaan kata-kata *biar*, *ingat* dan *jangan*.

Bidalan Juga tergolong dalam peribahasa yang bersifat selapis. Biasanya bidalan disampaikan dalam bentuk bandingan. Menurut Za'ba (2002:170) bidalan lebih

memberatkan tentang sifat melekatnya di mulut orang ramai dan tentang bandingan dan teladan yang ada di dalamnya.

Contoh bidalan :

Jangan bijak terpijak, biar bodoh bersuluh

Maksudnya jangan berasa diri bijak tetapi dihina orang, biar tidak pandai asal Suka bertanya, pasti akan berjaya.

Ada biduk, hendakkan serumpu pula

Maksudnya belum puas dengan apa yang dimiliki

Bawa resmi padi, makin tunduk makin berisi

Maksudnya semakin tinggi kedudukan semakin merendah diri

Biasanya bidalan terdiri daripada **dua bahagian**. Bahagian pertama menyatakan maksud yang hendak disampaikan manakala bahagian kedua merupakan pematah bagi maksud tersebut. Misalnya :

Sesat di hujung jalan, balik ke pangkal jalan

Bidalan juga mengandungi pernyataan pada bahagian awalnya dan diikuti oleh pelengkapannya pada bahagian yang menyusulinya misalnya :

Kerbau dipegang pada talinya, manusia dipegang pada janjinya

8.5.2 Pepatah

Pepatah merupakan ungkapan yang dapat mematahkan dan mengiaskan sesuatu keadaan dalam masyarakat. Orang yang pandai menyelitkan pepatah dalam percakapannya dilihat sebagai orang yang panjang akal, bijaksana dan halus budi pekertinya. (Abdullah Hassan et.al : 2005).

Menurut Za'ba, pepatah tergolong dalam peribahasa yang bererti selapis dan mempunyai sifat yang bernas, iaitu memberatkan sifat ringkas dan bijak susunan katanya. Asal ungkapan pepatah daripada *patah-patah perkataan* yang digunakan. Beza antara pepatah dengan bidalan ialah semua bidalan mengandungi pengajaran dan nasihat, sedangkan terdapat pepatah yang tidak mengandungi pengajaran.

Ungkapan pepatah berasal daripada pusaka adat resam yang berfungsi sebagai pedoman hidup anggota masyarakat lain.

Contoh pepatah :

*Air setitik dilautkan,
tanah sekepal digunungkan.*
Bermaksud perkara kecil yang dibesar-besarkan

*Pengayuh sayang dibasahkan,
sampai tidak akan sampai ke seberang.*
Bermaksud apabila malas, cita-cita tidak akan tercapai.

*Tumbuh pada alur sudah diturut,
tumbuh pada jalan sudah ditempuh.*
Bermaksud semua kewajipan sudah dilaksanakan.

8.5.3 Perbilangan

Perbilangan mempunyai bentuk yang hampir sama dengan pepatah dan bidalan. Bezanya perbilangan disusun berangkap-rangkap seperti ikatan puisi. Setiap rangkap perbilangan terdiri daripada dua baris atau lebih dan disebut satu persatu seolah-olah orang sedang membuat pengiraan. Oleh sebab itulah dikenali sebagai perbilangan.

Perbilangan menumpukan isi yang memperkatakan *adat istiadat, undang-undang* atau *peraturan masyarakat*. Sebagai contohnya kita lihat perbilangan adat Perpatih. Adat Perpatih mengadakan dan mengamalkan peraturan-peraturan yang perlu diikuti oleh masyarakatnya. Peraturan ini menjadi pedoman dalam kehidupan masyarakat mereka yang dinamakan 'Perbilangan Adat Perpatih'. (Iladam : 2002).

Fungsi Perbilangan Adat Perpatih dalam Sistem Adat adalah sebagai 'pedoman atau peraturan hidup' yang mesti dipatuhi oleh setiap ahli dalam masyarakat daripada golongan atasan hinggalah golongan bawahan.

Contoh perbilangan yang ditujukan kepada pemerintah :

*Pohon rendang di tengah padang,
batangnya untuk bersandar,
dahannya untuk bergantung,
buahnya untuk dimakan,
daunnya untuk berlindung.*

Contoh perbilangan ditujukan kepada rakyat jelata :

*Alam nan beraja,
Luak yang berpenghulu,
Suku nan berlembaga,
Anak buah yang buapak*

Contoh kesetiaan hati

*Ke bukit sama di daki,
ke lurah sama dituruni,
ke laut sama direnangi,
yang berat sama dipikul,
yang ringan sama dijinjing
hati gajah sama dilapah,
hati kuman sama dicecah.*

8.5.3.1 Teromba

Teromba termasuk dalam perbilangannya adat yang popular di Negeri Sembilan. Teromba merupakan perbilangannya yang meriwayatkan sejarah sesuatu tempat atau peristiwa pertumbuhan masyarakat Adat Perpatih sesuatu tempat. Selain itu, terdapat juga cerita asal usul kejadian atau salasilah sesuatu keturunan yang terdapat dalam teromba.

Contoh teromba salasilah sesuatu keturunan :

*Turun di Pagar Ruyung Raja Berdarah Putih,
berdua dengan Batin Mergalang,
lalu naik Gunung Rembau,
lalu turun Seri Menanti,
kemudian duduk bersuku-suku,
suku-suku nan dua belas.*

Contoh teromba semasa meminang :

*Tiap-tiap beranak tu,
lelaki ada, perempuan pun ada,
kok yang lelaki disua-suakan,
kok yang perempuan dibedak-bedakkan,
disikat-sikatkan untuk mencari jodoh pertama,
dalam pada itu,
yang berhutang mak bapalah,
tiap-tiap kita melayan anak,
berhutang atas lima syarat,
pertama kerat pusat,
kedua upah bidan,
ketiga mengaji,
keempat sunat Rasul,
kelima nikah kahwin.*

8.5.4 Perumpamaan

Perumpamaan merupakan peribahasa yang memperkatakan sesuatu maksud atau tujuan dengan membandingkannya kepada sesuatu perkara atau kejadian lain. Perumpamaan tergolong dalam peribahasa selapis iaitu mengandungi makna tersurat dan tersirat. Terdapat dua bentuk perumpamaan iaitu :

- i. Menyatakan perbandingan secara terang-terangan
- ii. Tidak menyatakan perbandingan secara terang-terangan

Maksud perumpamaan yang menyatakan perbandingan secara terang-terangan biasanya didahului oleh kata-kata perbandingan misalnya *bagai*, *bak*, *ibarat*, *laksana*, *macam*, *seperti* dan *umpama*. Perumpamaan yang tidak menyatakan perbandingan secara terang-terangan **tidak** didahului oleh kata perbandingan tersebut.

Contoh perumpamaan yang menyatakan perbandingan secara terang-terangan :

1. *Laksana* layang-layang patah teraju
2. *Bagai* kucing dengan anjing
3. *seperti* bujang lepas dari bubu
4. *ibarat* retak menanti belah
5. *Umpama* galah di tengah arus

Contoh perumpamaan yang **tidak** menyatakan perbandingan secara terang-terangan :

1. Si bisu sesat di kaki, si pembohong sesat di lidahnya
2. Telinga terbakar muka menyala
3. Harapkan anak buta mata sebelah, harapkan teman buta mata keduanya
4. Berdua terkunci, bertiga terbuka
5. Lulus jarum lulus kelindan
6. Kayu yang jatuh itu kura-kura pun hendak memanjatnya

8.6 Lidah Pendeta

Lidah pendeta dikenali juga sebagai kata-kata hikmat yang diungkapkan oleh orang yang bijaksana. Kata-kata ini berfungsi sebagai panduan hidup dan menjadi percakapan umum. Terdapat banyak kata hikmat dalam bahasa Melayu misalnya :

1. Kita selalu lupa atau jarang ingat apa yang kita miliki, tetapi kita sering kali ingat apa yang orang lain ada.
2. Harta yang paling menguntungkan ialah SABAR. Teman yang paling akrab Adalah AMAL. Pengawal peribadi yang paling waspada DIAM. Bahasa yang paling manis SENYUM. Dan ibadah yang paling indah tentunya KHUSYUK.

3. Memburu kejayaan tidak seperti menjamu selera di kedai makan; makan dahulu bayar kemudian. Memburu kejayaan umpama menanam pokok buah-buahan. Tanam, jaga dan nikmati hasilnya kemudian.
4. Menghairankan sekali, orang yang mencuci wajahnya berkali-kali dalam sehari, tetapi tidak mencuci hatinya walaupun sekali setahun.
5. Tidak penting sama ada berapa lama kita hidup. Yang penting bagaimana keadaan kita semasa hidup.

Latihan

1. Bincangkan bersama rakan-rakan anda bagaimanakah peribahasa dapat membentuk perpaduan kaum di negara ini. Bentangkan hasil perbincangan anda.
2. Senaraikan seberapa banyak contoh peribahasa dengan merujuk pelbagai bahan elektronik dan bukan elektronik. Kongsikan bahan yang diperoleh bersama-sama kawan.

9.1 Sinopsis

Tajuk ini akan menghuraikan konsep Dasar Peristilahan; Definisi, Tataistilah & Tatanama dalam bahasa Melayu . Konsep istilah Khusus & Umum serta Morfem Peristilahan juga akan dihuraikan dalam tajuk ini. Pelajar juga akan diterangkan mengenai pembentukan kata dasar, kata akar dan Imbuhan. Kata berimbuhan, gabungan kata, bentuk prototaip dan paradigma kata juga turut dibincangkan untuk membantu pelajar memahami tajuk ini dengan lebih mendalam. Perbincangan, aktiviti dan latihan disediakan untuk memantapkan pemahaman anda mengenai tajuk ini.

9.2 Hasil Pembelajaran

Pada akhir tajuk ini, para pelajar dapat:

- i. Menghuraikan konsep dasar peristilahan secara mendalam
- ii. Membezakan antara Istilah Khusus dan Umum
- iii. Menjelaskan mengenai morfem peristilahan, kata dasar & kata akar melalui contoh-contoh yang sesuai
- iv. Menyenaraikan beberapa contoh imbuhan dan paradigma kata

9.3 Peristilahan Bahasa Melayu

Peristilahan merupakan satu usaha baharu membentuk perkataan bagi mengungkapkan konsep, idea, proses dan nama bagi sesuatu yang belum wujud dalam bahasa Melayu. (Abdullah Hassan : 2006).Istilah ini dibentuk bagi membolehkan bahasa Melayu berfungsi sebagai bahasa ilmu.

9.3.1 Definisi Istilah

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2007:591), istilah ialah kata, gabungan kata atau frasa yang mengungkapkan konsep yang khusus yang terdapat di dalam sesuatu bidang ilmu atau profesyen. Sesuatu istilah itu mempunyai makna yang tepat bagi konteks bidangnya. Abdullah Hassan (2006) mendefinisikan istilah sebagai kata tunggal dan kata terbitan yang mengandungi sesuatu makna, konsep, proses, keadaan atau sifat, atau benda yang khas dalam bidang tertentu, khususnya bidang ilmu.

Menurut Pedoman umum Pembentukan Istilah Bahasa Melayu (1992: 1-3) **Tataistilah** ialah kumpulan peraturan untuk membentuk istilah (termasuklah kumpulan istilah yang dihasilkannya). Tataistilah atau ‘terminology’ merupakan kumpulan istilah bagi satu-satu bidang tertentu yang dibentuk menurut peraturan-peraturan yang ada. Misalnya, tataistilah Matematik yang ada yang telah dibentuk berdasarkan sistem tertentu. Manakala **tatanama** ialah kumpulan peraturan untuk menentukan nama dalam bidang ilmu (termasuklah kumpulan nama yang dihasilkannya).

Terdapat perbezaan kata biasa dengan kata istilah. Kata biasa atau kata umum ialah kata-kata biasa di dalam bahasa. Namun demikian, kata umum boleh menjadi istilah. Kata istilah ialah kata yang penggunaannya dan maknanya khusus dalam bidang tertentu. Contohnya, kata *hidrogen, nitrogen, neonatal, fonem, alofon, alormof* dan *morfem* merupakan istilah khusus dalam bidang masing-masing.

9.4 Dasar Pembentukan Istilah Bahasa Melayu

Pada tahun 1950-an, apabila dasar pelajaran kebangsaan dirangka dan diluluskan oleh Dewan Undangan Persekutuan dan kemudian oleh Dewan Parlimen Persekutuan Tanah Melayu, pengajaran Sains dan Teknologi diperkenalkan dan ditingkatkan. Dengan itu, istilah Sains dan Teknologi perlu diadakan dengan segera. Bagi mendapat hasil yang seragam dan lebih cepat maka disusun pedoman pembentukan ini sejak tahun 1950-an. Adalah dilarang kita mengambil sembarangan bentuk Inggeris secara sepenuhnya seperti *acid, asiditi, dan asidik*, kerana bentuk – bentuk morfologi Melayu berlainan dengan morfologi bahasa Inggeris.

Seterusnya pada penghujung akhir tahun 1960-an dan awal tahun 1970-an telah disusun semula satu pedoman pembentukan istilah baharu yang lebih terperinci. Berdasarkan pedoman yang baharu itu ada beberapa bahagian yang ditetapkan serta diperluas dari segi dasar, cara dan pedoman, iaitu:

- i. Pembentukan istilah baharu hendaklah berdasarkan sikap dan pandangan yang progresif dan fleksibel bagi bahasa Melayu moden;
- ii. Istilah baharu hendaklah yang praktis sama ada dalam bidang ilmu atau masyarakat pemakai bahasa;
- iii. Pembentukan istilah baharu dalam semua bidang ilmu atau yang popular, hendaklah sentiasa diselaraskan dengan yang dibuat di Indonesia;

- iv. Istilah baharu hendaklah memperlihatkan kekayaan perbendaharaan kata bahasa Melayu dan yang mempunyai sistem struktur menurut kudrat bahasa Melayu-Indonesia; dan
- v. Istilah ilmu hendaklah seboleh-bolehnya memperlihatkan bentuk yang jelas dengan istilah asal atau istilah antarabangsa.

9.5 Istilah Khusus & Umum, Morfem Peristilahan

Morfem ialah unit atau fungsi nahu. Morfem peristilahan ialah kata akar dan imbuhan yang digunakan dalam pembentukan istilah. Proses pembentukan istilah Bahasa Melayu ialah pengimbuhan, penggandaan dan penggabungan.

9.6 Kata Dasar dan kata Akar

Menurut Asmah (2008) kata akar dan kata dasar merupakan unsur asas dalam pembentukan kata. **Kata akar** adalah unsur asas yang hanya terdiri daripada satu morfem bebas. Manakala **kata dasar** merupakan konsep yang lebih menyeluruh, iaitu boleh terdiri daripada :

- i. Kata akar : ada (berada, keadaan)
- ii. Kata berlapis : kemampuan (berkemampuan)
- iii. Kata gandaan : olok-olok (merperolok-olokkan)
- iv. Kata majmuk : setiausaha (kesetiausahaan)

9.7 Imbuhan dan Kata Berimbuhan

Perkataan dalam sesuatu bahasa boleh terdiri daripada kata dasar iaitu bentuk kata terkecil yang tidak menerima sebarang imbuhan atau bentuk terbitan. Bentuk terbitan ialah bentuk yang dihasilkan daripada proses memperluas kata dasar melalui pelbagai cara pembentukan kata.

Imbuhan boleh didefinisikan sebagai unit-unit bahasa tertentu yang ditambahkan pada bentuk-bentuk lain yang menyebabkan perubahan makna nahunya. Termasuk dalam imbuhan ialah bentuk-bentuk awalan, akhiran, sisipan, apitan, morfem kosong dan bentuk fleksi.

9.7.1 Awalan

Awalan ialah imbuhan yang ditambahkan pada bahagian hadapan kata dasar, misalnya *ber-* dalam *berbaris* dan *ter-* dalam *tertembak*. Semuanya diimbuhkan ke pangkal kata dasar yang terdiri daripada kata tunggal atau kata terbitan.

9.7.2 Akhiran

Akhiran ialah imbuhan, yang ditambahkan pada bahagian belakang kata dasar, misalnya *-an* dalam *tekanan* dan *-kan* dalam *ambilkan*.

9.7.3 Sisipan

Sisipan ialah imbuhan yang diselitkan di antara unsur-unsur kata dasar seperti *-em-* dalam *g+em+uruh*. Ada tiga imbuhan sisipan iaitu *-el-*, *-er-*, dan *-em-*. Imbuhan sisipan diimbuhkan ke dalam bentuk dasar selepas konsonan pertama kata dasar. Kata terbitan melalui sisipan ini amat terhad bilangannya.

Sisipan *-el-*, *-er-* dan *-em-* tidak produktif dan hanya menerbitkan sebilangan kecil kata nama terbitan.

Kemumur → k-el-emumur → kelemumur

Kopak → k-el-opak → kelopak

Tapak → t-el-apak → telapak

Suling → s-er-uling → seruling

9.7.4 Apitan

Apitan ialah imbuhan yang ditambahkan serentak pada hadapan dan belakang kata dasar seperti "*ke-.....-an*" dalam *kelembutan* dan "*pe-.....-an*" dalam *pedalaman*.

9.7.5 Morfem kosong

Terdapat morfem yang berubah fungsi nahunya tanpa apa-apa perubahan pada bentuknya. Misalnya dalam bahasa Inggeris, salah satu cara membentuk jamak adalah dengan menambahkan akhiran *-s* pada kata dasar nama. Perkataan *book* (tunggal) – *books* (jamak). Namun berbeza dengan perkataan *sheep* (kambing biri-biri). Bentuk jamaknya tetap *sheep* tanpa menambah *-s*. Inilah yang dipanggil morfem kosong.

9.7.6 Bentuk fleksi

Bentuk fleksi ialah imbuhan yang ditambahkan pada kata dasar untuk menentukan atau melahirkan sesuatu makna nahu. Misalnya dalam bahasa Inggeris, perkataan tunggal boleh dijamakkan dengan menambahkan imbuhan fleksi pada akhir

perkataan. Contohnya 'girl' – 'girls'. Gejala fleksi tidak wujud dalam dalam kebanyakan bahasa Austronesia termasuk bahasa Melayu.

9.8 Gabungan Kata dan Bentuk Prototaip

Gabungan ialah cantuman dua kata atau lebih untuk membentuk istilah melalui proses penggabungan. Ada 16 kata majmuk yang mantap seperti setiausaha, warganegara, bumiputera dan sebagainya. Walau bagaimanapun, ada juga antara istilah yang digunakan di dalam konteks umum.

Istilah boleh dibentuk dengan menggabungkan dua kata atau lebih. Semua unsur dalam gabungan ini terdiri daripada bentuk bebas, sama ada sudah mendapat imbuhan atau tanpa imbuhan.

i. Tanpa Imbuhan:

Contoh:

garis lintang	atas aras laut
daftar masuk	mesin atur huruf
mesin kira tangan	segi empat tepat
ganda tiga	kamera laut dalam

ii. Dengan Imbuhan Pada Salah Satu Unsurnya

Contoh- contoh seperti :

saksi pendakwa	pelarasan gaji
dalam talian	atas talian
mengambil alih	menerima pakai
penerima janji	gelombang melintang

iii. Dengan Imbuhan pada Kedua-dua Unsur

Contoh -contoh seperti:

Jagaan perlindungan	kedudukan anggaran
Perjanjian meluluskan	perbelanjaan terealisasi

Dewan Bahasa dan Pustaka (2004), menjelaskan bahawa hal ini berlaku apabila istilah itu digunakan dengan kerap oleh masyarakat pengguna bahasa, dan

penggunaannya itu tersebar melalui media massa. Contohnya, kata *solat* merupakan istilah dalam bidang keagamaan Islam dan *belanjawan* iaitu istilah dalam bidang ekonomi (dewasa ini istilah 'bajet' digunakan), sekarang ini kata-kata berkenaan sudah digunakan secara am di dalam penggunaan bahasa sehari-hari. Usaha penggubalan istilah di Malaysia bermula selepas tertubuhnya Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dalam tahun 1956.

Pada peringkat awalnya tidak ada satu sistem organisasi yang memberi panduan dan mengawal kerja-kerja peristilahan. Jawatankuasa istilah ditubuhkan berdasarkan permintaan individu yang berwibawa sebagai pemimpin masyarakat atau sebagai ahli akademik. Jawatankuasa istilah yang paling awal ditubuhkan ialah Jawatankuasa Istilah Ekonomi yang dipengerusikan oleh Profesor Diraja Ungku A. Aziz. Sehingga sekarang, bidang peristilahan memainkan peranan penting dalam memartabatkan kedudukan bahasa Melayu di negara kita.

Bentuk prototaip merupakan kata yang masih berbentuk seperti dalam bahasa sumber dan belum mengalami proses penyesuaian ke dalam bahasa Melayu. Contohnya perkataan *ptotein*, *radiator* dan *magnet*.

9.9 Paradigma Kata istilah

Paradigma kata istilah merupakan satu perenggan istilah yang diterbitkan daripada satu bentuk yang sama. Misalnya contoh perkataan di bawah;

satu
menyatukan
penyatuan
bersatu
disatukan
kesatuan
persatuan

Berikut merupakan contoh-contoh lain paradigma kata;

a. Paradigma kata dengan imbuhan *ber-*

Contoh:

belajar	pelajar	pelajaran
bertapa	pertapa	pertapaan
bertani	petani	pertanian

b. Paradigma dengan Penambah *me(N)*-

Contoh:

Menulis	penulis	penulisan	tulisan
mengajar	pengajar	pengajaran	ajaran
mengamal	pengamal	pengamalan	amalan
membesar	pembesar	pembesaran	-
mengubah	pengubah	pengubahan	-
mengairi	-	pengairan	-

c. Paradigma dengan *me(N)*-, *ber*-

Contoh:

memberhentikan	-	pemberhentian	perhentian
-	-	perkecualian	
-	-	pembelajaran	pelajaran

d. Paradigma kata dengan *me(N)*-, *per*-

Contoh:

Mempersatukan	pemersatu	pemersatuan	persatuan
Memperoleh	pemeroleh	pemerolehan	perolehan
mempelajari	pelajar	-	pelajaran

e. Paradigma kata dengan *ke - an*

Contoh:

saksi	Kesaksian
bermakna	Kebermaknaan
terbuka	Keterbukaan
penduduk	Kependudukan
sesuai	kesesuaian

f. Paradigma Kata dengan Sisiapan *-en-*, *-er-*, *-el-*, *-em-*, *-in-*

Contoh:

Gigi	gerigi
susu	tenusu
tapak	telapak
kuncup	kemuncup
sambung	sinambung

Latihan :

1. Nyatakan perbezaan antara imbuhan awalan *peN-* dengan *pe-*. Beri contoh-contoh yang sesuai.
2. Senaraikan perbezaan antara *-an*, *ke-...-an*, *peR-...-an* dan *peN-....-an* dengan memberi contoh yang betul.

10.1 Sinopsis

Topik ini akan menerangkan tentang sumber istilah Bahasa Melayu. Ini berdasarkan perbendaharaan kata umum Bahasa Melayu, perbendaharaan kata serumpun, perbendaharaan kata bahasa asal, penyerapan istilah asing, bentuk – bentuk istilah (ungkapan) asing yang tetap dan pembentukan istilah pelbagai bidang. Dengan mempelajari tajuk ini diharap pelajar akan mengetahui sumber istilah itu diperoleh dan cara-cara istilah asing diterima dan diguna pakai dalam bahasa Melayu.

10.2 Hasil pembelajaran

Pada akhir tajuk ini, anda akan dapat :

- i. Menjelaskan perbendaharaan kata umum bahasa Melayu
- ii. Menyatakan perbendaharaan kata bahasa serumpun
- iii. Menyenaraikan contoh-contoh perbendaharaan kata bahasa asing

10.3 Perbendaharaan Kata Umum Bahasa Melayu

Pembentukan istilah boleh diambil daripada perbendaharaan kata umum bahasa Melayu termasuk kata dari dialek atau bahasa lama. Sesuatu kata yang dipilih untuk dijadikan istilah itu hendaklah memenuhi syarat yang berikut;

- Kata berkenaan tepat memberi makna, konsep, proses, keadaan atau ciri yang dimaksudkan.
- Sekiranya terdapat dua perkataan kata yang mempunyai makna yang sama, pilihan perkataan adalah yang paling singkat (sekiranya ada sekelompok sinonim).

Contoh:

Hospital dan rumah sakit, dipilih hospital

Fisiologi dan kaji tugas organ, dipilih fisiologi

- kata berkenaan tidak mempunyai konotasi buruk atau sebutan sumbang.

Istilah-istilah yang terbentuk daripada perkataan umum bahasa Melayu itu seperti *gaya*, *garis pusat*, *jejari*, *tapak*, *segi tiga* dan sebagainya.

10.4 Perbendaharaan Kata Bahasa Serumpun

Istilah juga boleh dibentuk daripada perbendaharaan kata bahasa serumpun dengan bahasa Melayu sekiranya tidak terdapat istilah yang diperlukan daripada bahasa Melayu.

Contoh – contoh seperti:

- gambut (daripada bahasa Banjar) – *peat*
- nyeri (daripada bahasa Sunda) – *pain*
- engkabang (daripada bahasa Iban) – *ellipenut*
- dermaga (daripada bahasa klasik) – *wharf*
- dening (daripada dialek Kelantan) – *yoke*

10.5 Perbendaharaan Kata Bahasa Asing

Sekiranya istilah yang diperlukan tidak terdapat daripada bahasa Melayu dan bahasa serumpun dengan bahasa Melayu maka bolehlah diambil kata-kata daripada bahasa asal atau bahasa asing. Penulisan istilah ini hendaklah mengutamakan bentuk ejaannya di dalam bahasa sumber (perlu disesuaikan) tetapi penyebutannya hendaklah mengikut sistem bunyi bahasa Melayu. Untuk tujuan keseragaman, bahasa Inggeris yang dianggap paling internasional dijadikan sebagai bahasa sumber melainkan konsep yang berkenaan tidak ada istilahnya dalam bahasa Inggeris.

10.5.1 Terdapat dua cara perkataan daripada bahasa asing dipilih :

1. Meminjam konsep asing dan menterjemahkannya ke dalam bahasa Melayu
2. Menyerap seluruh kata tersebut ke dalam bahasa Melayu
 - i. Menterjemah konsep daripada bahasa asing misalnya *network – jaringan, medical treatment – pengubatan.*
 - ii. Menyerap keseluruhan kata tersebut – Supaya istilah lebih seragam, keutamaan diberi kepada perkataan bahasa Inggeris atas dasar bersifat antarabangsa.

Contoh – contoh seperti:

Istilah Bahasa Asal	Istilah Bahasa Melayu
▪ Atom	▪ Atom

<ul style="list-style-type: none"> ▪ Stocking ▪ Professional ▪ Pencil ▪ Structure ▪ Radio ▪ Television ▪ Radiography 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Stoking ▪ Profesional ▪ Pensel ▪ Struktur ▪ Radio ▪ Televisyen ▪ Radiografi
---	---

10.6 Perbendaharaan Istilah Asing

Istilah asing boleh dipinjam atas dasar:

- Sesuai maknanya;
- Lebih singkat daripada terjemahan bahasa Melayunya;
- Istilah asing yang diserap itu mempermudah penyelarasan, sekiranya istilah bahasa Melayunya mempunyai banyak sinonim.

10.6.1 Bentuk-Bentuk Serapan

Kata yang diambil daripada bahasa asing terdiri daripada bentuk akar atau terbitannya. Hal ini bergantung pada:

- Konteks situasi dan pemakaiannya di dalam ayat;
- Kemudahan belajar bahasa; dan
- Kepraktisan.

Pada prinsipnya diambil bentuk tunggal contohnya, spectrum (spektrum) kecuali kalau bentuk jamaknya yang lebih biasa dipakai.

10.6.2 Istilah Asing yang Sudah Lazim

Istilah asing yang sudah lama digunakan boleh terus dipakai walaupun ada kalanya istilah berkenaan tidak sesuai dengan peraturan. Hal ini dilakukan untuk mengelakkan kekacauan dan kekeliruan.

Contoh – contoh seperti :

Istilah Asing	Istilah Bahasa Melayu
<ul style="list-style-type: none">▪ Campaign▪ Custom▪ Dengue▪ Grant▪ Pension	<ul style="list-style-type: none">▪ Kempen▪ Kastam▪ Denggi▪ Geran▪ Pencen

10.6.3 Ejaan Istilah (Ungkapan) Asing yang Tetap

Istilah asing atau ungkapan tertentu yang sebutan dan ejaannya kekal dalam semua bahasa, digunakan juga dalam bahasa Melayu dengan syarat diberi garis bawah atau dicetak miring.

Contoh:

- a. *bona fide*
- b. *esprit de corps*
- c. *fait accompli*
- c. *weltanschauung*
- d. *cal de sac*

Latihan :

1. Nyatakan dari mana sumber istilah Bahasa Melayu diperoleh?
2. Bahaskan mengapa ungkapan atau bahasa asing amat di perlukan dalam perkembangan peristilahan di Malaysia?

11.1 Sinopsis

Topik ini akan menerangkan dan menjelaskan tentang konsep dan langkah, syarat-syarat dan pembentukan istilah baharu Bahasa Melayu. Diharap topik ini dapat membantu pelajar mengetahui dan menjelaskan mengenai skema tatacara pembentukan istilah bahasa Melayu.

11.2 Hasil pembelajaran

Pada akhir tajuk ini, anda akan dapat :

- i. Menjelaskan konsep dan langkah pembentukan istilah bahasa Melayu
- ii. Menerangkan syarat-syarat pembentukan istilah bahasa Melayu
- iii. Memberi penerangan mengenai pembentukan istilah bahasa Melayu

11.3 Konsep dan Langkah

Peristilahan merupakan usaha untuk membentuk perkataan bagi mengungkapkan konsep, idea, proses dan nama bagi sesuatu yang belum wujud dalam bahasa Melayu. Tujuannya adalah untuk membolehkan bahasa Melayu berfungsi sebagai bahasa ilmu di pusat pengajian tinggi. Istilah boleh dibentuk daripada beberapa sumber seperti bahasa Melayu, bahasa serumpun dan juga bahasa-bahasa asing.

Kata baharu dalam bahasa Melayu lazimnya muncul sama ada melalui penciptaan secara penggunaan popular dalam media massa dan penulisan kreatif atau melalui perancangan bahasa yang rasmi.

11.3.1 Penggunaan Popular

Penciptaan perkataan baharu secara penggunaan popular selalunya dihasilkan oleh penulis-penulis sama ada untuk siaran dalam media massa, media elektronik ataupun dalam tulisan-tulisan kreatif seperti sajak, cerpen dan novel. Perkataan baharu ini pada awalnya diperkenalkan secara ciptaan sendiri, melalui terjemahan atau secara ambilan keseluruhannya. Bentuk-bentuk perkataan ini akhirnya menjadi popular dan digunakan secara umum. Antara contoh perkataan :

Ibu kota	sidang media	kempen
Perang dingin	sidang kemuncak	pasaran hadapan
Tunjuk perasaan	banjir kilat	tanah runtuh
Rumah haram	kudapan	berita gempar

11.3.2 Perancangan bahasa yang rasmi

Pada umumnya hal ini dilakukan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan institusi pengajian tinggi. Perkataan yang dicipta melalui perancangan yang rasmi ini berbentuk istilah yang merujuk bidang-bidang ilmu dan kerjaya tertentu. Dalam hal ini terdapat langkah-langkah yang diambil untuk tujuan mencipta perkataan baharu ini. Hal ini akan dibincangkan lebih lanjut dalam Tajuk 12.

11.4 Syarat – Syarat

Usaha usaha memajukan istilah Melayu lebih aktif selepas tahun 1975. DBP dengan kerjasama Majlis Bahasa Indonesia-Malaysia telah menubuhkan Jawatankuasa Pedoman Umum Pembentuk Istilah. Jawatankuasa ini berfungsi untuk menghasilkan istilah yang seragam antara Malaysia dengan Indonesia. Di samping itu, badan ini juga bertanggungjawab mengembangkan istilah Melayu dan menghasilkan istilah yang lebih khusus, abstrak dan tepat bersesuaian dengan bidang-bidang ilmu yang terdapat di Malaysia.

Istilah boleh dibentuk daripada beberapa sumber, iaitu daripada bahasa Melayu, bahasa serumpun dan juga bahasa-bahasa asing.

11.4.1 Istilah daripada bahasa Melayu

Perkataan umum bahasa Melayu boleh dijadikan istilah asalkan perkataan tersebut memenuhi syarat-syarat berikut :

- i. memberi makna yang tepat mengandungi konsep, proses, keadaan atau sifat istilah yang dimaksudkan
- ii. sekiranya ada dua perkataan kata yang mempunyai makna yang sama, pilihlah perkataan yang lebih singkat
- iii. Perkataan tersebut tidak membawa konotasi buruk

11.4.2 Istilah daripada bahasa serumpun

Sekiranya perkataan Melayu umum tidak terdapat, maka bolehlah diambil perkataan daripada dialek bahasa Melayu, bahasa Melayu klasik atau bahasa serumpun.

11.4.3 Istilah daripada bahasa asing

Apabila tidak ada perkataan daripada bahasa Melayu, dialek Melayu dan bahasa serumpun, maka baharulah diambil perkataan daripada bahasa asing. Ini dilakukan dengan dua cara iaitu :

- i. Meminjam konsep asing dan menterjemahkannya ke dalam bahasa Melayu
- ii. Menyerap seluruh kata tersebut ke dalam bahasa Melayu

11.4.4 Penulisan kata istilah

Hendaklah daripada ejaan Rumi dalam bahasa sumber tetapi sebutannya disesuaikan dengan sistem bunyi bahasa Melayu. Hanya huruf-huruf tertentu sahaja perlu disesuaikan apabila yang di dalam bahasa Inggeris tidak konstan. Misalnya *g* disebut *j*, *c* disebut *s*. Misalnya *factor* disebut faktor, *screw* disebut skru.

Terdapat istilah Inggeris yang sudah lama diserap iaitu sebelum 1970. Perkataan itu sudah dimasukkan ke dalam Kamus Dewan. Semua ejaan istilah ini dikekalkan seperti kamsen (*commission*), gran (*grant*) dan pencen (*pension*).

11.5 Pembentukan Istilah Baharu

Dasar pelajaran kebangsaan dirangka dan diluluskan oleh Dewan Undangan Persekutuan dan kemudian oleh Dewan Parlimen Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1950-an. Semenjak itu pengajaran Sains dan Teknologi diperkenalkan dan ditingkatkan. Istilah Sains dan Teknologi perlu diadakan dengan segera sebagai memenuhi dasar ini. Bagi mendapat hasil yang seragam dan lebih cepat maka disusun pedoman pembentukan ini sejak tahun 1950-an. Namun, kita ditegah mengambil sembarangan bentuk bahasa Inggeris secara sepenuhnya seperti *acid*, *asiditi*, dan *asidik*, kerana bentuk – bentuk morfologi Melayu berlainan dengan morfologi bahasa Inggeris.

Manakala pada penghujung akhir tahun 1960-an dan awal tahun 1970-an telah disusun semula satu pedoman pembentukan istilah baharu yang lebih terperinci. Berdasarkan pedoman yang baharu itu ada beberapa bahagian yang ditetapkan serta diperluas dari segi dasar, cara dan pedoman, iaitu:

- i. Pembentukan istilah baharu hendaklah berdasarkan sikap dan pandangan yang progresif dan fleksibel bagi bahasa Melayu moden;
- ii. Istilah baru hendaklah yang praktis sama ada dalam bidang ilmu atau masyarakat pemakai bahasa;
- iii. Pembentukan istilah baharu, dalam semua bidang ilmu atau yang popular, hendaklah sentiasa diselaraskan dengan yang dibuat di Indonesia;
- iv. Istilah baharu hendaklah memperlihatkan kekayaan perbendaharaan kata bahasa Melayu dan yang mempunyai sistem struktur menurut kudrat bahasa Melayu-Indonesia; dan

- v. Istilah ilmu hendaklah seboleh-bolehnya memperlihatkan bentuk yang jelas dengan istilah asal atau istilah antarabangsa.

Dasar baharu yang ditetapkan ini telah memberi peluang kepada penggubal-penggubal istilah untuk melihat dengan lebih luas cakupan pandangannya menuju ke arah peringkat antarabangsa. Pada masa lalu apabila menggubal istilah, penggubalan itu dibuat dengan melihat ke dalam bahasa Melayu sahaja. Contohnya jika ada kata berakhiran “gy” dalam bahasa Inggeris maka dalam bahasa Melayu hendaklah dipakai kata “kaji”, sedangkan kata-kata dasarnya yang lain dicari kata terjemahannya dalam bahasa Melayu.

11.6 Proses pembentukan istilah

Umumnya terdapat dua proses pembentukan istilah iaitu :

- i. Melalui proses pinjam terjemah
- ii. Melalui proses pinjaman

11.6.1 Melalui proses pinjam terjemah

Istilah terbentuk daripada perkataan Melayu jati atau bahasa serumpun dengan memberi makna baharu untuk membawa konsep tertentu yang sebelumnya tidak ada dalam bahasa Melayu. Terdapat lima proses pinjam terjemah iaitu :

- i. Terjemah langsung, contohnya;

<i>dose</i>	-	sukatan
<i>soluble</i>	-	larut
<i>resistence</i>	-	rintangan

- ii. Penggabungan dua kata umum, contohnya :

<i>missile</i>	-	peluru berpandu
<i>right angle</i>	-	sudut tepat
<i>honeymoon</i>	-	bulan madu

- iii. Penciptaan kata baharu yang tidak pernah ada dalam bahasa Melayu bagi mendukung konsep baharu. Contohnya :

<i>arrears</i>	-	tunggakan
<i>up date</i>	-	kemas kini
<i>configuration</i>	-	tatarajah

iv. Perluasan makna sesuatu perkataan untuk mendukung konsep baharu. Sering juga perkataan yang dicipta mengalami perubahan bunyi. Contohnya :

gelap	lawan	legap
serap	lawan	jerap
biji	lawan	bijirin
salur	lawan	salir

v. Mencipta kata baharu dengan gandaan separa. Contohnya :

<i>liquid</i>	-	cecair
<i>capillary</i>	-	rerambut
<i>radius</i>	-	jejari
<i>coplanar</i>	-	sesatah

11.6.2 Melalui Proses pinjaman

Cara pembentukan kata adalah dengan mengambil istilah daripada bahasa asalnya dan penyesuaian dibuat pada bahagian bunyi dan ejaan.

i. Pengambilan dengan perubahan atau penyesuaian ejaan. Contohnya :

<i>structure</i>	-	<i>struktur</i>
<i>geography</i>	-	<i>geografi</i>
<i>mathematics</i>	-	<i>matematik</i>
<i>kinetic</i>	-	<i>kinetik</i>
<i>biology</i>	-	<i>biologi</i>

ii. Pengambilan tanpa perubahan ejaan. Contohnya :

<i>magnet</i>	-	magnet
<i>radio</i>	-	radio
<i>bonus</i>	-	bonus
<i>eksport</i>	-	eksport
<i>standard</i>	-	standard
<i>audit</i>	-	audit

Istilah pinjaman di atas hendaklah disebut mengikut kelaziman sebutan bahasa Melayu baku.

TAJUK 12	MENGAPLIKASI PEMBENTUKAN ISTILAH MENGGUNAKAN SKEMA TATACARA PEMBENTUKAN ISTILAH BAHASA MELAYU
-----------------	--

12.1 Sinopsis

Tajuk ini disusun untuk membolehkan pelajar mengetahui dan menjelaskan pengaplikasian pembentukan istilah menggunakan skema tatacara pembentukan istilah ahasa Melayu. Pelajar juga harus mengetahui mengenai penggunaan kata bahasa Melayu yang lazim dan tidak lazim. Terdapat juga kata bahasa serumpun yang lazim dan tidak lazim yang perlu diketahui oleh pelajar bagi memudahkan pemahaman mereka mengenai topik ini. Selain itu, diterangkan juga mengenai pembentukan istilah bahasa Inggeris dan bahasa asing lain yang digunakan secara meluas sama ada dalam pertuturan sehari-hari, bertulis mahupun di dalam bahan bacaan. Dengan mengetahui tajuk ini secara mendalam, pelajar lebih mudah mengetahui skema tatacara pembentukan istilah bahasa Melayu yang digunakan.

12.2 Hasil pembelajaran

Pada akhir tajuk ini, anda akan dapat :

- i. Menjelaskan tentang kata bahasa Melayu yang lazim dan tidak lazim
- ii. Mengenal pasti dan menyenaraikan kata bahasa serumpun yang lazim dan tidak lazim
- iii. Menyebut contoh kata bahasa Inggeris dan bahasa asing lain yang digunakan

12.3 Kata Bahasa Melayu yang Lazim dan Tidak Lazim

Dalam buku Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Melayu (1992) terbitan DBP, terdapat langkah-langkah yang digariskan untuk pembentukan istilah iaitu :

- i. Penggunaan perkataan dalam bahasa Melayu yang lazim digunakan dan dikhususkan maknanya untuk mendukung makna istilahnya. Contoh perkataan :

Garis pusat tapak hasil keluaran kuasa daya

- ii. Penggunaan perkataan dalam bahasa Melayu yang kurang lazim digunakan. Contoh perkataan :

cerakin mendap peka ketuhar

- iii. Penggunaan perkataan bahasa serumpun ataupun dialek Melayu yang lazim digunakan. Contoh perkataan :
 - labur (Negeri Sembilan)
 - dermaga (Jawa)
 - gambut (Banjar)

- iv. Penggunaan perkataan bahasa serumpun atau dialek yang sudah tidak lazim digunakan. Contoh perkataan :
 - dening (Kelantan)
 - riam (Johor)
 - engkabang (Iban)

- v. Perkataan atau istilah daripada bahasa Inggeris. Contoh perkataan :
 - atom
 - elektron
 - skru
 - reaktor
 - profesional

- vi. Penggunaan perkataan atau istilah daripada bahasa lain. Contoh perkataan :
 - in toto*
 - ad hoc*
 - et al.*
 - esprit de corp*

Kesimpulannya, dalam pembentukan istilah yang menggunakan ketujuh-tujuh cara di atas, ada **empat syarat** yang perlu dipatuhi :

- i. ungkapan yang paling singkat
- ii. ungkapan yang maknanya tidak menyimpang
- iii. ungkapan yang tidak berkonotasi buruk
- iv. ungkapan yang sedap didengar

13.1 Sinopsis

Tajuk ini akan membincangkan mengenai penggunaan kata dasar, proses pengimbuhan, reduplikasi dan penggabungan. Pelajar juga akan diterangkan mengenai fonem dan suku kata serta proses analogi. Di samping itu, kursus ini juga mengandungi penterjemahan, paradigma istilah, sinonim, homonim, hiponim dan kepoliseman. Pelajar amat digalakkan mencari rujukan tambahan bagi mendalami tajuk ini agar dapat memahami isi kandungannya dengan lebih berkesan.

13.2 Hasil Pembelajaran

Pada akhir tajuk ini pelajar akan dapat :

- i. Menjelaskan penggunaan kata dasar, proses pengimbuhan, reduplikasi dan penggabungan dalam bahasa Melayu
- ii. Menerangkan mengenai peledakan fonem & suku kata serta proses analogi dengan memberi contoh-contoh yang sesuai
- iii. Menerangkan mengenai penterjemahan dan paradigma istilah
- iv. Membanding dan membezakan antara sinonim, homonim, hiponim dan kepoliseman

13.3 Penggunaan Kata Dasar

Istilah boleh dibentuk dengan mengambil kata dasar atau kata akar atau menerbitkannya dengan menggunakan proses pengimbuhan, pemajmukan dan penggandaan. Kata dasar adalah perkataan mudah yang boleh berdiri sendiri sebagai unsur yang bebas dalam rangkai kata mahupun ayat. Misalnya *roti, mandi, kertas, botol* dan sebagainya. Secara umumnya, perkataan-perkataan jenis ini boleh berdiri sebagai ayat terkecil sebagaimana yang telah diuraikan maksudnya. Selain itu, kata dasar juga memberi maksud bahagian yang tertinggal apabila semua imbuhan dikeluarkan.

13.4 Proses Pengimbuhan

Perkataan-perkataan dalam sesuatu bahasa boleh terdiri daripada kata dasar iaitu bentuk kata terkecil yang tidak menerima sebarang imbuhan, atau bentuk terbitan, iaitu bentuk yang dihasilkan daripada proses memperluas kata dasar tadi melalui

berbagai-bagai cara pembentukan kata. Imbuhan dimaksudkan unit-unit bahasa tertentu yang ditambahkan pada bentuk-bentuk lain yang menyebabkan perubahan makna nahunya. Bentuk-bentuk *awalan*, *akhiran*, *sisipan*, *apitan*, *morfem kosong*, dan *bentuk fleksi* termasuk dalam imbuhan.

Paradigma berimbuhan yang tersusun menunjukkan perhubungan yang teratur antara bentuk dan maknanya.

13.4.1 Awalan

Awalan ialah imbuhan yang ditambahkan pada bahagian hadapan kata dasar, misalnya *ber-* dalam *berlari* dan *ter-* dalam *tertinggi*.

13.4.2 Akhiran

Akhiran ialah imbuhan yang ditambahkan pada bahagian belakang kata dasar, misalnya *-an* dalam *makanan* dan *-kan* dalam *lepaskan*.

13.4.3 Sisipan

Sisipan ialah imbuhan yang diselitkan di antara unsur-unsur kata dasar, misalnya *-em* dalam *g+em+uruh*.

13.4.4 Apitan

Apitan ialah imbuhan yang ditambahkan serentak pada hadapan dan pada belakang kata dasar misalnya *me-.....-kan* dalam *memalsukan* dan *ke-.....-an* dalam *kejauhan*.

13.4.5 Morfem Kosong

Ada morfem yang berubah fungsi nahunya tanpa apa-apa perubahan pada bentuknya. Kita ambil contoh dalam bahasa Inggeris untuk membentuk jamak. Akhiran *-s* akan ditambah pada kata dasar nama contohnya *book – books*. Tetapi pada perkataan seperti *sheep*, bentuk jamaknya tidak berubah iaitu tanpa pertambahan morfem *-s*. Contoh seperti ini dipanggil morfem kosong. Bagi kata kerja bahasa Inggeris *put*, bentuk kata lampaunya tetap *put* juga. Sedangkan *laugh* menjadi *laughed* bagi kata lampau iaitu ditambah morfem *-ed*.

13.4.6 Bentuk Fleksi

Bentuk fleksi merupakan imbuhan yang ditambahkan pada kata dasar untuk menentukan atau melahirkan sesuatu makna nahu. Dalam bahasa Inggeris, perkataan tunggal boleh dijamakkan dengan menambahkan imbuhan fleksi pada akhir perkataan.

Misalnya *girl - girls*. Imbuhan fleksi juga ditambahkan pada kata kerja untuk menunjukkan kala atau kasus. Misalnya *wait – waited*. Gejala fleksi tidak wujud dalam kebanyakan bahasa Austronesia termasuk bahasa Melayu.

13.5 Reduplikasi / Penggandaan

Penggandaan adalah satu proses mengulang kata dasar (Abdullah Hassan : 2006). Proses penggandaan dalam bahasa Melayu ialah proses yang menggandakan kata dasar (Tatabahasa Dewan : 2008). Pengulangan ini boleh berlaku pada seluruh perkataan atau sebahagian daripada perkataan. Terdapat tiga jenis penggandaan dalam bahasa Melayu iaitu :

13.5.1 Penggandaan penuh. Contohnya :

botol-botol	almari-almari
tali-tali	basikal-basikal
beg-beg	bangunan-bangunan

13.5.2 Penggandaan separa. Contohnya :

pepohon
lelaki
jejari

13.5.3 Penggandaan berentak, Contohnya :

Sayur-mayur	batu-batan
Gotong-royong	terang-benderang
Gunung-ganang	lauk-pauk

13.6 Penggabungan

Penggabungan merupakan proses merangkaikan dua kata dasar atau lebih yang dapat menghasilkan makna yang khusus. Perkataan ini membawa makna yang berlainan apabila tidak digabungkan. Misalnya perkataan *beg* dan *tangan* membawa makna yang berlainan. *Beg* merupakan alat yang digunakan untuk membawa sesuatu barang, manakala *tangan* adalah salah satu anggota badan. Perkataan ini menjadi *beg tangan* apabila digabungkan. Perkataan ini telah membentuk satu makna baharu.

Gabungan kata ini perlu dieja terpisah dan bertindak sebagai satu unit. Perlu diingat bahawa bentuknya tidak boleh menerima sebarang penyisipan unsur lain. Perkataan *beg tangan* tidak boleh disisipkan unsur '*dan*' kerana akan membentuk

makna yang berlainan. Tatabahasa Dewan membahagikan gabungan kata ini kepada tiga kelompok iaitu;

- i. Terdiri daripada rangkai kata bebas contohnya *alat tulis, air laut dan jam tangan*.
- ii. Terdiri daripada istilah khusus contohnya *pita suara, reka bentuk dan kemas kini*.
- iii. Mendukung makna kiasan contohnya *kaki bangku dan panjang tangan*.

13.7 Peleburan Fonem dan Suku Kata

Fonem ialah unit bahasa yang terkecil yang berfungsi dalam sesuatu bahasa. Menurut Kamarudin (1997), fonem merupakan bunyi-bunyi bahasa yang dapat membezakan erti. Secara umumnya, unit bahasa ini disebut sebagai bunyi bahasa. Fonem berfungsi membezakan makna kata. Misalnya, pasangan kata *kari* dan *jari* mempunyai makna yang berbeza disebabkan wujudnya perbezaan bunyi [k] dan [j] pada pasangan kata tersebut. Oleh itu, bunyi [k] dan [j] dianggap sebagai dua fonem yang berasingan. Pasangan *kari* dan *jari* pula dikenal sebagai pasangan terkecil berkontras.

Tanda kurungan [] membawa maksud bentuk bunyi bahasa akan berubah menjadi tanda / /, untuk menandakan status fonem. Dengan ini, penulisan bunyi bahasa [k] dan [j] akan berubah menjadi /k/ dan /j/.

Dalam bahasa Melayu, sesuatu fonem biasanya mempunyai anggota-anggota lain yang ciri fonetiknya sama tetapi berlainan bunyinya apabila hadir pada kedudukan yang berbeza. Misalnya bunyi /p/ yang hadir pada awal kata *payung* dihasilkan sebagai bunyi letupan yang sempurna. Namun apabila hadir pada akhir kata seperti kata *sedap*, bunyi letupan itu tidak disempurnakan. Dapatlah dikatakan terdapat dua anggota fonem /p/, iaitu /p/ yang letupannya terlaksana dan /p/ yang letupannya tidak terlaksana. Varian fonem yang berdasarkan kedudukan ini dikenal sebagai *alafon*.

Fonem merujuk kepada setiap huruf, sama ada vokal mahupun konsonan. Dalam setiap hukum dan peraturan semestinya terdapat beberapa *pengecualian* termasuklah prinsip fonem. Antaranya adalah;

1. Geluncuran **y** dan **w** sepertimana dalam sebutan *dia, bau, lauk, buaya*
2. Elemen diftong iaitu gabungan vokal "au" dalam sebutan *kerbau*, "ai" untuk *balai*, "oi" untuk *baloi* dan "ui" untuk *kelui*.

3. Elemen digraf (gabungan konsonan) iaitu "kh" dan "ng" iaitu bagi perkataan **khas**, **akhir**, **tarikh** dan **mengaum**. Begitu juga bagi "ny", "sy", "gh" dan sebagainya.
4. Penyengauan (sebutan sengau untuk *m, n, y, ng, ny*) contohnya : maya, nganga, nyonya dan nyamuk.

Selain itu, terdapat konsep *hentian glotis* yang membawa implikasi perlunya ada kesederhanaan dalam sebutan. Misalnya untuk konsonan *r* untuk perkataan *ular* perlu dizahirkan lebih jelas, supaya tidak berbunyi *ula*. Namun tidak perlu berlebih-lebihan dengan menggetarkan *sebutan r* sehingga berbunyi *ularrrrrr*.

Demikian juga perkataan seperti *itik, bilik, cilik dan licik* boleh disederhanakan sedikit supaya lebih dekat dengan sebutan penutur jati bahasa Melayu (seperti dalam kajian sosiolinguistik).

13.7.1 Suku Kata

Suku kata ialah pecahan pada sesuatu kata yang terdiri daripada *satu vokal* atau *gabungan vokal dengan konsonan*. Sebagai contohnya, kata *emak* terdiri daripada dua suku kata, iaitu *e* dan *mak*. Suku kata hanya akan terbentuk dengan adanya bunyi vokal kerana bunyi konsonan sahaja tidak dapat membentuk suku kata dalam bahasa Melayu. Terdapat dua jenis suku kata iaitu suku kata tertutup dan suku kata terbuka.

Suku kata terbuka ialah suku kata yang berakhir dengan vokal. Misalnya kata *topi* terdiri daripada dua suku kata terbuka. Polanya KV + KV, iaitu *to* dan *pi*. Manakala suku kata tertutup ialah suku kata yang berakhir dengan konsonan. Misalnya kata *kantin*, polanya KVK + KVK. Lihat contoh jadual di bawah :

Pola	Contoh perkataan
V	ayam, tua
VK	unta, puas
KV	bajak, buta
KVK	jambu, pisang
KKV	protes, drama
KKVK	blok, draf
VKK	eksperimen
KVKK	bank, injeksi
KKVKK	kompleks
KKKV	skru
KKKVK	spring, infrastruktur

Daripada 11 pola tersebut, empat pola yang pertama dalam jadual merupakan **pola umum** suku kata bahasa Melayu manakala tujuh pola yang berikutnya merupakan **pola pinjaman** daripada bahasa Inggeris.

13.8 Proses Analogi

Istilah baharu dapat dibentuk dengan menggunakan asas analogi. Misalnya pola prasangka dapat dipakai untuk menggubal bentuk prasaran, prasarana, prarasa dan praduga. Bagi pola *monoteisme* pula dapat dijadikan dasar bagi bentuk *marhaenisme* dan *sukuisme*.

13.9 Penterjemahan dan Paradigma Istilah

Konsep-konsep yang berkaitan dalam istilah dapat dinyatakan dalam satu paradigma istilah. Strukturnya dapat mencerminkan bentuk yang berkaitan secara tetap. Istilah-istilah ini perlu dikekalkan dalam satu sistem pola yang menyatakan perhubungannya. Contohnya;

1. Pola *-eme*
morpheme : morfem
phoneme : fonem
taxeme : taksem

2. Pola *energy*
Energy : tenaga
Elektrik energy : tenaga elektrik

13.10 Istilah yang bersinonim

Perkataan-perkataan dalam sesuatu bahasa boleh mempunyai hubungan antara satu dengan yang lain. Bagi kata-kata yang mempunyai makna hampir-hampir sama misalnya *sejuk* dan *dingin*, kita tidak boleh menggunakannya pada tempat yang seratus peratus sama. Sebagai contoh, kita mengatakan *hari sejuk* tetapi tidak mengatakan *hari dingin*. Perkataan bersinonim perlu dipilih supaya kekeliruan dapat dielakkan.

Terdapat tiga jenis golongan istilah :

- i. Istilah yang diutamakan
Istilah yang paling sesuai dengan prinsip pembentukan istilah adalah dianjurkan diterima menjadi istilah standard. Contohnya penggunaan kata *partikel* lebih baik digunakan daripada perkataan *zarah*. Perkataan *mikro* lebih baik daripada *renik*.
2. Istilah asing dan istilah Melayu
Apabila terdapat istilah asing dan istilah bahasa Melayu secara bersama, maka kedua-duanya boleh digunakan. Misalnya :
Kekerapan, frekuensi (*frequency*)
Garis lintang, diameter (*diameter*)
3. Istilah yang ditolak
Istilah yang ada sinonimnya tetapi menyalahi asas peristilahan hendaklah digugurkan. Misalnya *zat lemas* perlu diganti dengan nitrogen.

13.11 Perkataan berhomonim

Homonim ialah perkataan yang sama ejaan atau sama sebutannya tetapi mempunyai makna yang berbeza. Dalam hal ini, kekeliruan ejaan perlu dielakkan.

Misalnya :

1. Perkataan homograf
Perkataan ini sama ejaannya tetapi mungkin berlainan sebutannya. Contohnya :

semak - mengkaji *semak* – hutan kecil
perang - warna *perang* – bertempur

2. Perkataan homofon
Perkataan ini mempunyai sebutan yang sama. Ejaannya perlu dapat membezakan istilah yang berlainan. Contohnya :

Bang - *bank*
Masa - *massa*

13.12 Hiponim dan Kehiponiman

Perkataan hiponim merupakan istilah yang maknanya terangkum dalam makna perkataan lain yang mempunyai makna yang lebih luas iaitu *superordinat*. Perkataan *helang, tiung, nuri, puyuh dan merbuk* adalah berhiponim, maknanya terangkum dalam perkataan superordinatnya iaitu *burung*. Perkataan superordinat tidak boleh diterjemahkan menggunakan perkataan hiponimnya.

13.13 Kepoliseman atau Banyak Makna

Perkataan polisem mempunyai makna yang berbeza-beza tetapi yang masih berkaitan. Misalnya :

kepala – jawatan

kepala – orang

kepala – kain

Perkataan asing yang bersifat polisem hendaklah diterjemahkan sesuai dengan ertinya dalam bahasa Melayu.

Aktiviti :

1. Sejauhmanakah istilah asing boleh diterima pakai dalam bahasa Melayu?
2. Senaraikan seberapa banyak contoh perkataan homograf dan homofon.

14.1 Sinopsis

Topik ini menerangkan dan menjelaskan tentang singkatan dan lambang bahasa. Ini kerana singkatan dan lambang juga dianggap sebagai sebahagian daripada pembentukan kata. Pelajar juga akan diterangkan mengenai pembentukan akronim serta perbezaan antara singkatan dengan lambang.

14.2 Hasil pembelajaran

- i. Menjelaskan tentang konsep singkatan, akronim dan lambang dalam bahasa Melayu.
- ii. Memberikan contoh-contoh yang sesuai berkaitan akronim.

14.3 Istilah Singkatan

Menurut Kamus Dewan (2007: 1501), singkatan ialah kependekan, ringkasan, merupakan gejala umum dalam pemakaian bahasa. Abdullah Hasaan (2006) menyatakan istilah singkatan sebagai bentuk istilah yang tulisannya dipendekkan menurut tiga cara yang berikut :

- i. Istilah yang bentuk tulisannya terdiri daripada satu huruf atau lebih, tetapi bentuk lisannya sesuai dengan bentuk istilah lengkapnya. Misalnya;

l	disebut	liter
cm	disebut	sentimeter
sin	disebut	sinus
- ii. Istilah yang bentuk tulisannya terdiri daripada satu huruf atau lebih yang dilafazkan huruf demi huruf. Contohnya :
KVA (kilovolt-ampere) yang disebut = k –V-A
- iii. Istilah yang dibentuk dengan meninggalkan satu bahagiannya atau lebih.
Misalnya:
Kawat (yang berasal dari surat kawat)
Lab (yang berasal dari laboratorium)

14.4 Lambang Huruf dan Bilangan

Lambang huruf dan bilangan ialah singkatan khusus berdasarkan kebiasaan yang terdiri daripada satu huruf atau lebih tanpa titik di belakangnya, dan digunakan untuk menandai sesuatu konsep.

14.4.1 Lambang

Menurut Kamus Dewan Edisi keempat (2007: 876) lambang ialah tanda yang mewakili entiti linguistik seperti bunyi, fonem, suku kata, morfem dan kata yang diterima dalam transkripsi fonetik atau sistem tulisan.

14.4.2 Lambang huruf ialah singkatan khusus berdasarkan kebiasaan yang terdiri daripada satu huruf atau lebih tanpa titik di belakangnya, dan digunakan untuk menandai sesuatu konsep. Contoh :

meter	-	meter	-	m
kilogram	-	kilogram	-	kg
second	-	saat	-	s
ampere	-	ampere	-	A
degree	-	darjah	-	K
candela	-	kandela	-	cd
radian	-	radian	-	rad
steradian	-	steradian	-	st
mole	-	mol	-	mol
hecto	-	hekto	-	h
centi	-	senti	-	c
mega	-	mega	-	M
giga	-	giga	-	G

Terdapat juga lambang huruf **K** digunakan bagi menunjukkan makna ribu. Misalnya 20K adalah dua puluh ribu. Misalnya, K ialah lambang daripada kilo bermakna seribu.

14.4.3 Bilangan

Sistem Unit Antarabangsa menentukan penulisan bilangan seperti yang berikut:

- i. Tanda perpuluhan boleh ditulis dengan titik. Misalnya: 3.05

Bilangan hendaklah tidak dimulai dengan tanda perpuluhan, kecuali apabila diperlukan dalam jadual atau senarai. Bilangan perpuluhan tidak boleh dimulai dengan titik perpuluhan, tetapi hendaklah dimulai dengan angka.

Misalnya:

0.52 bukan .52

0.54 bukan .54

0.56 bukan .56

Kekecualian daripada peraturan ini diizinkan dalam senarai atau jadual.

Misalnya:

.50

.52

.54

.56

...

Bilangan yang hanya terdiri daripada angka yang ditulis dalam jadual atau daftar hendaklah dibahagi-bahagikan kepada kelompok tiga angka yang dipisahkan oleh ruang tanpa tanda titik atau koma. Misalnya:

3 105 724 bukan 3.105.724

0.987 24 bukan 0,98724

14.4.4 Lambang Gambar

Konsep dapat dinyatakan oleh lambang yang berupa gambar. Pembentukan dan penggunaan lambang gambar harus mengikuti peraturan yang disahkan oleh bidang masing-masing. Misalnya; ☀ (matahari).

14.5 Akronim

Menurut Nik Safiah Karim dan rakan-rakan (2008: 66), akronim adalah kata singkatan yang terbentuk dengan menggabungkan huruf awal suku kata atau dengan menggabungkan huruf awal dan suku kata daripada rangkai kata, dan ditulis serta dilafazkan sebagai perkataan utuh. Beliau menyatakan ada tiga cara pembentukan akronim. Manakala Asmah Hj. Omar (2009:27) mendefinisikan akronim sebagai kata selapis yang dibentuk dengan menggunakan suku kata pada kata-kata unsur.

a) Menggabungkan suku kata atau bahagian kata. Misalnya:

Mara	-	Majlis Amanah Rakyat
Perkim	-	Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia
Bernamea	-	Berita Nasional Malaysia
Tadika	-	taman didikan kanak – kanak
Cerpen	-	cerita pendek
Kugiran	-	kumpulan gitar rancak
Berdikari	-	berdiri dengan kaki sendiri
Pawagam	-	Panggung wayang gambar
Perkeso	-	Pertubuhan Keselamatan Sosial

b) Menggabungkan huruf pangkal setiap kata, istilah begini dipanggil akronim.
Misalnya:

JKR	-	Jabatan Kerja Raya
TLDM	-	Tentera Laut DiRaja Malaysia
IPGKPI	-	Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam
LUTH	-	Lembaga Urusan Tabung Haji
ABIM	-	Angkatan Belia Islam Malaysia
ADUN	-	Ahli Dewan Undangan Negeri
IKIM	-	Institut Kefahaman Islam Malaysia

Dari segi pembentukan istilah, akronim tidak digalakkan kerana apabila perkataan dibentuk melalui akronim, ada masanya kita terlupa akan ungkapan asalnya sehingga kita tidak mengetahui maknanya. Lebih-lebih lagi, istilah perlu memberi gambaran makna yang dibawa oleh perkataan asalnya. Apabila perkataan itu dihilangkan maka maknanya turut tidak ketara.

Dari segi perkamusan, perkataan akronim yang sudah lazim digunakan dan diterima sebagai perkataan, diterima sebagai masukan dalam kamus.

15.1 Sinopsis

Topik ini akan menerangkan tentang Ejaan Fonemik dan Etimologi, Transliterasi dan Transkripsi. Berdasarkan transkripsi dan transliterasi istilah atau perkataan tersebut digunakan dalam bahasa Melayu tanpa mengubah sebutan dan makna asal atau sumber perkataan tersebut. Dalam bahasa Melayu banyak perkataan diperoleh dan dikenal pasti dalam bahasa sumber yang lain. Bahasa – bahasa berkenaan seperti bahasa Arab, bahasa Yunani dan bahasa Sankrit. Pelajar juga akan mendapat maklumat mengenai Ejaan Nama, Penyesuaian Ejaan dan Imbuan Asing. Seterusnya terdapat topik Gugus Konsonan bahasa Melayu.

15.2 Hasil pembelajaran

Pada akhir tajuk ini, anda akan dapat

- i. Menerangkan Ejaan Fonemik dan Etimologi
- ii. Membandingkan antara Transliterasi dan Transkripsi
- iii. Menghuraikan mengenai Ejaan Nama, Penyesuaian Ejaan dan Imbuan Asing
- iv. Memberi contoh-contoh Gugus Konsonan

15.3 Ejaan Fonemik

Bahasa Melayu mudah difahami kerana mempunyai ciri yang unik. Sememangnya sistem ejaan dan sebutan dalam bahasa Melayu berdasarkan prinsip fonemik. Ini bermakna, sebut sebagaimana yang dieja, eja sebagaimana yang disebut, dan tiada huruf yang disenyapkan.

Fonem merujuk kepada setiap huruf, sama ada vokal mahupun konsonan. Dalam setiap hukum dan peraturan semestinya terdapat beberapa *pengecualian* termasuklah prinsip fonem. Antaranya adalah;

1. Geluncuran **y** dan **w** sepertimana dalam sebutan dia, bau, lauk, buaya
2. Elemen diftong iaitu gabungan vokal "au" dalam sebutan kerbau, "ai" untuk balai, "oi" untuk baloi dan "ui" untuk kelui.
3. Elemen digraf (gabungan konsonan) iaitu "kh" dan "ng" iaitu bagi perkataan **khas**, **akhir**, **tarik**h dan **mengaum**. Begitu juga bagi "ny", "sy", "gh" dan sebagainya.

4. Penyengauan (sebutan sengau untuk *m, n, y, ng, ny*) contohnya : *maya, menang, nganga* dan *nyonya*.

Selain itu terdapat konsep *hentian glotis* yang membawa implikasi perlunya ada kesederhanaan dalam sebutan. Misalnya konsonan *r* untuk perkataan *ular* perlu dizahirkan lebih jelas, supaya tidak berbunyi *ula*. Namun tidak perlu berlebih-lebihan dengan menggetarkan sebutan *r* sehingga berbunyi *ularrrrrr*.

Demikian juga perkataan seperti *itik, bilik, cilik* dan *licik* boleh disederhanakan sedikit supaya lebih dekat dengan sebutan penutur jati bahasa Melayu tempatan sekian lama (seperti dalam kajian Sociolinguistik).

15.4 Etimologi

Etimologi adalah cabang ilmu Linguistik yang mempelajari asal-usul suatu kata atau sejarah pembinaan sesuatu kata. Kata etimologi sebenarnya diambil daripada [bahasa Belanda](#) 'etymologie' yang berakar daripada [bahasa Yunani](#); *étymos* (erti sebenarnya adalah sebuah [kata](#)) dan *lògos* (ilmu). Ini bermakna kata etimologi itu sendiri datang daripada bahasa Yunani ἔτυμος (*étymos*, arti kata) dan λόγος (*lògos*, ilmu).

Etimologi juga merupakan salah satu cabang ilmu linguistik yang mengkaji asal-usul dan perkembangan sesuatu kata. Antara sumbangan etimologi dalam bahasa Melayu ialah mengenal pasti asal-usul kata bahasa Melayu. Pengetahuan tentang asal-usul bahasa Melayu amat penting diketahui bagi mencari punca lahirnya sesuatu kata dalam bahasa Melayu itu sendiri.

15.5 Transkripsi

Transkripsi merupakan penyediaan skrip atau teks yang penuh atau lengkap berdasarkan catatan-catatan trengkas dan lain-lain atau daripada rakaman ucapan. Ianya juga merupakan penukaran bahan bertulis daripada sesuatu bentuk ke dalam bentuk lain. Contohnya yang menggunakan sistem fonetik, huruf dalam abjad lain, dan sebagainya. Fonemik (Linguistik) transkripsi yang menggunakan lambang fonem, misalnya /pokok/ dan /nyanyi/; ~ fonetik (Linguistik)

Istilah asing yang diserapkan ke dalam bahasa Melayu tanpa diterjemahkan, pada umumnya ditranskripsikan terlebih dahulu. Misalnya contoh perkataan di bawah:

Bureau	-	biro
police	-	polis
ambulance	-	ambulans

Ejaan nama khas, yang dalam bahasa sumber ditulis dengan huruf Latin, tidak diubah. Sekiranya nama khas itu ditulis dengan huruf lain, maka diambil ejaannya dalam bahasa Inggeris dan kemudian disesuaikan dengan bahasa Melayu. Misalnya:

Baekelund
Cannizzaro
Aquadag
Dacron
Keops
Dmitri Ivanovic Mendeleev
Anton Chekhov
Mao Tze Tung

15.6 Transliterasi

Merupakan penukaran huruf (perkataan dan sebagainya) daripada abjad sesuatu tulisan (misalnya tulisan Arab) kepada huruf yang selaras bunyinya dalam abjad sistem tulisan lain (misalnya Rumi); mentransliterasikan; membuat (menyediakan) transliterasi.

Aktiviti :

1. Bezakan antara ejaan transliterasi dengan ejaan transkripsi dalam bahasa Melayu.
2. Dengan merujuk buku dan internet, senaraikan contoh – contoh lain ejaan transkripsi yang berkaitan.
3. Senaraikan contoh – contoh ejaan transkripsi yang banyak digunakan oleh media massa terutama media cetak di Malaysia.

15.7 Ejaan Transliterasi Dalam Bahasa Melayu

Ejaan Transliterasi atau alih huruf boleh mengikut perakuan ISO untuk huruf Arab (Perakuan ISO-R233) atau Perakuan ISO-R315 huruf Yunani. Contoh yang berikut merupakan transliterasi Arab :

Bismillahirrahmanirrahim	muslimin	muslimat
Ustaz	ustazah	haji
hajah	fikir	hadith
ghaib	zakat	akad
lafaz	solat	iman
imam	talak	sujud

15.9 Ejaan Nama

Ejaan nama khas, yang dalam bahasa sumber ditulis dengan huruf Latin, tidak diubah. Sekiranya nama khas itu ditulis dengan huruf lain, maka diambil ejaannya yang dalam bahasa Inggeris dan kemudian disesuaikan dengan bahasa Melayu. Misalnya:

Baekelund	Keops
Dmitri Ivanovic Mendeleev	Cannizzaro
Anton Chekhov	Aquadag
Mao Tze Tung	Dacron

15.10 Penyesuaian Ejaan Kata Serapan

Dasar-dasar bagi penyesuaian ejaan bagi kata-kata serapan bahasa Inggeris dan bahasa-bahasa Eropah lain ke dalam bahasa Melayu adalah seperti yang berikut :

1. Bentuk ejaan adalah dipentingkan. Perubahan fonem hanya dibuat jika perlu.

Misalnya :

carbon karbon *cartoon* kartun

2. Kata serapan daripada bahasa Inggeris dan bahasa-bahasa Eropah yang lain dikecualikan daripada peraturan keselarasan huruf vocal mengikut sistem ejaan baharu. Misalnya :

atom atom *pistol* pistol

3. Ejaan gugus konsonan yang terdapat dalam kata-kata pinjaman itu dikekalkan bentuknya tetapi dengan beberapa penyesuaian. Misalnya :

block blok *clinic* klinik

Walaupun begitu terdapat beberapa perkataan tertentu yang telah diterima menurut ejaan lama dengan menggunakan huruf *e pepet* dikekalkan ejaannya. Misalnya :

class kelas *stamp* setem

4. Unsur asing (selain gugus konsonan) yang telah diserap ke dalam bahasa Melayu tidak diubah ejaannya. Misalnya :

pension pencen *station* stesen

5. Huruf *g* dalam kata istilah Inggeris tetap diterima sebagai huruf *g* dalam bahasa Melayu. Misalnya :

agenda agenda *tragedy* tragedy

Perlu diingat bahawa terdapat kekecualian bagi perkataan-perkataan bahasa Inggeris yang mengandungi *huruf g* yang dieja sebagai *huruf j* dalam bahasa Melayu. Misalnya :

agent agen *collage* kolej
logic logic *regime* rejim

Penyebutan untuk kata atau istilah pinjaman perlulah disesuaikan dengan sistem bunyi bahasa Melayu. Ini bermakna kita memberikan nilai bunyi bagi setiap huruf sesuai dengan fonem yang dilambangkan. Lihat jadual di bawah :

Bahasa Melayu	Sebutan	
	Betul	Salah
iIndustri	in-dus-tri	In-das-tri
Teknologi	tek-no-lo-gi	tek-no-lo-ji
Nasional	na-si-yo-nal	ne-sye-nal

Aktiviti :

1. Bagaimanakah cara untuk menyesuaikan sebutan kata atau istilah pinjaman dengan sistem bunyi bahasa Melayu?

15.11 Imbuhan Asing

Biasanya imbuhan sukar diterima dalam sesuatu bahasa. Ini disebabkan unsur tersebut terpaksa menyesuaikan diri dengan sistem tatabahasa bahasa penerima. Walaupun demikian, bahasa Melayu banyak menerima imbuhan asing untuk keperluan peristilahan. Bilangan imbuhan asing ini lebih banyak jumlahnya jika dibandingkan dengan jumlah imbuhan dalam bahasa Melayu itu sendiri.

Terdapat **dua faktor** peminjaman istilah tersebut ke dalam bahasa Melayu iaitu :

- i. Tidak banyak imbuhan yang ada dalam bahasa Melayu
- ii. Imbuhan-imbuhan yang ada dalam bahasa asing tidak dapat memenuhi semua fungsi tatabahasa yang diperlukan dalam bidang ilmiah khususnya bidang peristilahan.

15.11.1 Pengaruh Unsur Pinjaman Terhadap Bahasa Melayu

Kita dapat melihat kemasukan imbuhan seperti *wan*, *-wati* dan *-man*. Daripada bahasa Sanskrit yang membawa unsur jantina ke dalam bahasa Melayu. Istilah *pe-* dan *peN-* dalam bahasa Melayu tidak menunjukkan lelaki atau perempuan dalam kata nama yang diterbitkan. Contohnya *pesalah* boleh merujuk kepada *pesalah lelaki atau perempuan*. Tetapi *seniwati* 'pelakon perempuan', *seniman* 'pelakon lelaki'.

Kemasukan imbuhan asing juga mempengaruhi kewujudan unsur-unsur lain dalam bahasa Melayu. Contohnya imbuhan *un-*, *non-*, *-im*, *a-* daripada bahasa Inggeris menyebabkan terbentuknya imbuhan *tak* dalam bahasa Melayu untuk menimbulkan persamaan fungsi dengan imbuhan asing tersebut. Misalnya perkataan *abnormal* menjadi 'tak normal'. Ini dapat dilihat juga dengan *jur* dan *ahli* dalam *salesman* menjadi 'juru jual' dan *musician* menjadi 'ahli muzik'.

Kemasukan imbuhan asing turut membawa perubahan fonologis. Di samping kemasukan unsur asing seperti rentetan konsonan dalam *pra-*, *kontra-*, *swa-*, terdapat juga kejadian pertelingkahan di antara unsur rumus yang lazim berlaku dalam perubahan fonologi bahasa Melayu. Kemasukan dasar asing biasanya tidak mematuhi perubahan morfofonologi bahasa Melayu. Contohnya *meN + proses* → *memproses*, tidak *memeroses*.

15.11.2 Imbuan Sanskrit

Terdapat beberapa imbuan Sanskrit yang lama diserap masuk ke dalam bahasa Melayu. Ada lapan awalan Sanskrit yang diterima iaitu *maha-*, *swa-*, *pra-*, *tuna-*, *eka-*, *dwi-*, *tri-*, dan *panca-*. Misalnya *tunaanggota* – tidak beranggota, *prasejarah*, *tatatertib* dan sebagainya.

Bagi akhiran Sanskrit iaitu *-man*, *-wati*, *-wan*, *-wati*, *-nita*, *-a* dan *-i*. Semuanya menerbitkan kata nama lelaki dan wanita. Misalnya *hartawan*, *beliawan*, *biduan*, *saudara*, *saudari*, *dewa*, *siswi* dan sebagainya.

15.11.3 Imbuan Arab

Imbuan yang dipinjamkan daripada bahasa Arab juga digolongkan kepada dua, awalan dan akhiran. Misalnya bagi awalan Arab yang kerap digunakan dalam bahasa Melayu *biadap*.

Imbuan akhiran Arab yang menunjukkan jantina tetapi penggunaannya terhad kepada kata-kata dasar yang dipinjam daripada bahasa Arab sendiri. Misalnya akhiran *-iah* untuk *ilmiah*, *jahiliah* dan *alamiah*. Akhiran *-wi* dan *-i* untuk *duniawi* dan *abadi*. Akhiran *-in* dan *-at* untuk *muslimat* dan *hadirin*.

15.11.4 Imbuan Inggeris

Imbuan Inggeris paling banyak dipinjam ke dalam bahasa Melayu. Imbuan awalan Inggeris yang popular seperti *mono-*, *pro-*, *anti-*, *kontra-*, *auto-* dan sebagainya. Imbuan ini tidak berubah bentuk dan fungsinya sama dengan yang terdapat dalam bahasa Inggeris. Misalnya *monokrom* 'satu warna', *prokerajaan* 'memihak kepada kerajaan', *antirasuah* 'menentang rasuah' dan *automobil*.

Ada beberapa akhiran Inggeris yang tidak ada betul-betul dianggap produktif seperti akhiran *-is* untuk *cerpenis*, akhiran *-isme* untuk *sosialisme*, akhiran *-if* untuk *aktif*, akhiran *-logi* untuk *metodologi*, akhiran *-grafi* untuk *fotografi* dan *koreografi*.

15.12 Gugus Konsonan (Konsonan Gabung)

Terdapat lima gugus konsonan dalam bahasa Melayu iaitu *gh*, *kh*, *ng*, *ny* dan *sy* yang setiap satunya melambangkan bunyi konsonan. Lihat contoh jadual di bawah :

Gugus Konsonan	Penggunaan		
	Di depan	Di tengah	Di belakang
Gh	<i>ghaib</i>	<i>maghrib</i>	<i>Baligh</i>
Kh	<i>khas</i>	<i>akhir</i>	<i>marikh</i>
Ng	<i>nganga</i>	<i>bunga</i>	<i>Riang</i>
Ny	<i>nyamuk</i>	<i>punya</i>	-
Sy	<i>syarat</i>	<i>masyarakat</i>	<i>Arasy</i>

15.12.1 Perubahan huruf konsonan

Terdapat lima perubahan huruf konsonan daripada ejaan lama kepada ejaan Rumi baharu. Lihat contoh jadual di bawah :

Huruf lama	Huruf baharu	Contoh penggunaan	
		Ejaan lama	Ejaan baharu
Ch	c	chaching	Cacing
Dh	d	dharab	Darab
Dz	z	bedza	Beza
Sh	sy	meshuarat	mesyuarat
Th	s	bahath	Bahas

Aktiviti :

1. Bezakan antara ejaan transliterasi dengan ejaan transkripsi dalam Bahasa Melayu.
2. Dengan merujuk buku dan internet, senaraikan contoh – contoh lain ejaan transkripsi yang berkaitan.
3. Senaraikan contoh–contoh ejaan transkripsi yang banyak digunakan oleh media massa terutama media cetak di Malaysia.

BIBLIOGRAFI

- Abdullah Hassan. (2004). *Tatabahasa Bahasa Melayu (Morfologi dan Sintaksis)*. Pahang : PTS Publication & Distribution Sdn Bhd.
- Abdullah Hassan. (2006). *Morfologi*. Kuala Lumpur : Publishing Sdn. Bhd.
- Abdullah Hassan & Ainon Mohd. (1994). *Tatabahasa Dinamika*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ab. Rahman Ab. Rashid dan Yap Kim Fatt. (1997). *Bahasa Melayu Komunikasi 1*. Petaling Jaya : Longman Malaysia Sdn. Bhd.
- Amat Juhari Moain. (2010). *Penggubalan Istilah Ilmiah dalam Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Arbak Othman. (1985). *Mengajar Tatabahasa*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1993). *Nahu Melayu terakhir*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2008). *Nahu Kemas Kini*. Kuala Lumpur : Publishing Sdn. Bhd.
- Azman Wan Chik. (1985). *Mengajar Bahasa Malaysia Jilid 2: Latihan Guru Dan Bahan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka
- Bloomfield, L. (1993). *Language*. London : Allen & Unwin.
- Darwis Harahap. (1994). Binaan Makna. awang/meaning.html accessed on 5 July 2007.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (1992). *Pedoman umum Pembentukan Istilah Bahasa Melayu* : Kuala Lumpur.
- Kamarudin Hj. Husin. (1993). *Perkaedahan Mengajar Bahasa*. Kuala Lumpur : Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Kempson,R. (1997). *Semantic Theory*. UK: Cambridge University Press.
- Lutfi Abas. (1971). *Linguistik Deskriptif dan Nahu Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa, Abdul Hamid Mahmood. (2008). *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin. 1992. *Semantik dan Pragmatik* : Satu Pengenalan. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Puteri Roslina Abdul Wahid. (2005). *Peminjaman Kata Bahasa Inggeris Dalam Peristilahan*

Undang – Undang. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sulaiman Masri & Ahmad Khair Mohd. Nor. (2002). *Tatabahasa Melayu Mesra Pengguna*.

Kuala Lumpur : Utusan Publication dan Distributors.

Robins, R.H. (1967). *A short History of Linguistics*. London : Longman.

Teuku Iskandar. (2008). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan

Pustaka.

Zainal Abidin Bin Ahmad (Z'aba). (1965). *Pelita Bahasa Melayu II*. Kuala Lumpur : Dewan

Bahasa dan Pustaka.

Zaiton Ab. Rahman.(1991). *Teori Semantik*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

**PANEL PENGGUBALAN MODUL
PROGRAM PENSISWAZAHAN GURU SEKOLAH RENDAH (PPG)
(BAHASA MELAYU PENDIDIKAN RENDAH)**

NAMA	KELAYAKAN
<p>PUAN MASTURA BINTI MOHAMED BERAWI</p> <p>Pensyarah Jabatan Pengajian Melayu IPG Kampus Pendidikan Islam Bandar Baru Bangi, Selangor</p> <p>e-mel: masturahanif@yahoo.com</p>	<p>Kelulusan:</p> <p>Master Bahasa Melayu Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian (Linguistik dan Komunikasi)</p> <p>Pengalaman:</p> <p>Guru Bahasa Melayu (18 tahun)</p> <p>Pensyarah di IPG (sejak 2008 hingga kini)</p>
<p>PUAN ZUBIDAH BINTI A.MAJID</p> <p>Pensyarah Jabatan Pengajian Melayu IPG Kampus Pendidikan Islam, Bandar Baru Bangi, Selangor</p> <p>e-mel: zuzainal@yahoo.com</p>	<p>Kelulusan:</p> <p>Master Sains (PBMP) Bacelor Pendidikan (Hons) PBMP</p> <p>Pengalaman:</p> <p>Pensyarah Jabatan Pengajian Melayu Guru Bahasa Melayu (SM) (17 tahun) Munsi Dewan tahun 2000 hingga kini</p>

IKON



Rehat



Perbincangan



Bahan Bacaan



Buku Rujukan



Latihan



Membuat Nota



Senarai Semakan



Layari Internet



Panduan Pengguna



Mengumpul Maklumat



Tutorial



Memikir



Tamat